

**BERITA**

**H**



**S i l i**

Bil. 1/2020/Percuma



**MOHD JAAFAR EMBONG**

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
(PENGURUSAN)**

ISBN 978-983-9827-33-0



# PENGHANTARAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BE & B



## TARIKH AKHIR MANUAL/E-FILING

**BORANG BE  
30 APRIL 2020**

**BORANG B  
30 JUN 2020**

## TAMBAHAN MASA MANUAL/E-FILING

**BORANG BE  
30 JUN 2020**

**BORANG B  
31 OGOS 2020**



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

# AMANAT CEO

**Saya dan Pengurusan Tertinggi faham, saat dan waktu yang dilalui kini menuntut kekentalan mental dan keteguhan jiwa yang tinggi. Oleh itu, sebagai satu keluarga besar LHDNM, kita perlu berfikiran positif, bermotivasi dan prihatin agar dapat sama-sama melalui cabaran ini dengan sebaiknya.**

**“When The Going Gets Tough, Only The Tough Gets Going; Apabila Keadaan Menjadi Sukar, Hanya Yang Tabah Akan Dapat Mengharunginya”.**

**Dari Meja CEO, 31 Mac 2020**

***Dato' Sri Dr. Sabin Samitah***  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LHDNM



# KANDUNGAN KANDUNGAN



## TEAM BERITA HASIL TEAM BERITA HASIL

### PENASIHAT

Hishamudin Mohamed

### KETUA EDITOR

Umi Kalsom Harun

### EDITOR

Saidul Sahri Alkamal

### PENOLONG EDITOR

Junaidatul Al-Fatihah Elias

### JURUGAMBAR

Mohd Khairul Nizam Jamil

### PEREKA GRAFIK

Percetakan Norfatimah

### KOLUMNIS

Saidul Sahri Alkamal  
Ahmad Hilmi Mohamed Noor  
Dr Abdul Razak Mohamad Dewa  
Dr Muhammad Aqbal Mashadi  
Dr Rasyidah Che Rosli  
Elia Nadira Zainudin  
Farah Afiqah Nordin  
Jaffar Tukiran  
Junaidatul Al-Fatihah Elias  
Khairiliana Shamsul Khairil  
Supa'at Othman

### EDARAN

Pusat Sumber LHDNM

### TARIKH KELUARAN

Jun 2020

3	AMANAT CEO LHDNM	30	KONVENSYEN PEMATUHAN
6	NOTA KETUA EDITOR	33	KONVENSYEN TADBIR URUS CEMERLANG LHDNM
8	ENCIK MOHD JAAFAR EMBONG TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)	35	MAJLIS APRESIASI MEDIA
12	TAKRIFAN KETIDAKPATUHAN CUKAI DAN EKONOMI BAYANGAN - BAH. 1	37	MALAM GALA LHDNM 2020
16	PELANCARAN TAXPAYER ROAD MAP	39	KARNIVAL SUKAN HASIL 2020
19	NOMBOR PENGENALAN CUKAI	41	KLINIK CUKAI - SUATU PENGENALAN
21	PREMIS LHDNM DITUTUP SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)	42	“DILAMBUNG TINGGI MENJADI BINTANG, JATUH KE TANAH MENJADI INTAN” - DR. MUHAMMAD NAJIB BIN SAMAD, PENERIMA PINGAT EMAS BASNET DOKTOR FALSAFAH UPM
22	BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN) & GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)	44	SABAR HADAPI UJIAN ALLAH
23	TAKLIMAT LHDNM BERSAMA SOCIAL MEDIA INFLUENCERS	46	COVID-19: TEKATAN DAN CARA MENGATASINYA
25	PERSIDANGAN PENGARAH- PENGARAH BIL. 1/2020	47	FAHAMI PERBEZAAN EPIDEMIK, ENDEMIK DAN PANDEMIK
28	PROGRAM RETREAT BERSAMA ANGGOTA LEMBAGA	48	LEADERSHIP AND MOTIVATION



# Nota Ketua Editor

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahun 2020, tahun yang benar-benar menduga. Tahun yang pada awalnya dilihat menjanjikan pelbagai permulaan baharu dalam banyak perkara, seakan-akan terhenti dengan situasi yang dihadapi bukan sahaja kepada rakyat Malaysia; malah melibatkan seluruh dunia. Ketidakstabilan ekonomi dan suasana politik negara serta pandemik Covid-19 ternyata membawa perubahan yang besar impaknya. Sebagai wadah pemikiran dan platform pengetahuan Hasilian, kami di Berita Hasil akan terus berusaha untuk menyajikan bahan bacaan berinformasi kepada semua sebagai tanda kebersamaan dalam mengharungi norma baharu ini.

Membuka tirai tahun ini, Berita Hasil Bil. 1/2020 menampilkan pelbagai maklumat yang menarik untuk dikongsi dan dijadikan sumber inspirasi seperti perkongsian daripada pihak pengurusan tertinggi LHDNM. Dua (2) segmen baharu diperkenalkan iaitu Klinik Cukai dan Hasilian Hebat. Klinik Cukai yang dimuatkan dalam Kembara Minda akan diterbitkan secara berkala untuk menghebahkan maklumat percukaian yang biasa diketengahkan kepada umum. Segmen Hasilian Hebat diwujudkan bagi menghargai sumbangan Hasilian yang telah menaikkan nama dan imej LHDNM dalam lapangan masing-masing sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Seterusnya, segmen sedia ada diperkemas selaras dengan keperluan semasa percukaian serta maklum balas yang diterima daripada pembaca. Selain itu, isu semasa dari luar aspek percukaian juga dibincangkan melalui penulisan artikel berdasarkan rujukan terkini. Pengisian yang santai dan ringan turut diselitkan sebagai selingan dalam pembacaan bagi keselesaan pembaca.

Selaku ketua editor, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini, terutamanya sidang redaksi yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada penghasilan Berita Hasil. Tidak lupa juga kepada pembaca setia yang menjadi penggerak utama dalam memastikan kewujudan Berita Hasil sehingga ke hari ini.

Terima kasih dan selamat membaca!

*Umi Kalsom Hazun*

# SEKALUNG TAHNIAH ATAS PELANTIKAN

MENTERI KEWANGAN, TIMB. MENTERI KEWANGAN DAN KSP YANG BAHARU



## MENTERI KEWANGAN

YB Senator Tengku Dato' Sri  
Zafrul Tengku Abdul Aziz

Tarikh Pelantikan:  
10 Mac 2020



## TIMB. MENTERI KEWANGAN (I)

YB Datuk Abd. Rahim  
bin Bakri

Tarikh Pelantikan:  
10 Mac 2020



## TIMB. MENTERI KEWANGAN (II)

YB Tuan Mohd Shahr  
bin Abdullah

Tarikh Pelantikan:  
10 Mac 2020



## KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon

Tarikh Pelantikan:  
1 Mei 2020



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000



**LATAR BELAKANG DIRI DAN KELUARGA**

Encik Mohd Jaafar bin Embong merupakan anak jati kelahiran negeri Terengganu Darul Iman. Beliau yang lebih mesra dipanggil 'Encik Jaafar' berasal dari Kg. Bukit Tok Beng, Kuala Terengganu, Terengganu. Dilahirkan pada 8 Januari 1963, beliau merupakan anak pertama daripada tiga (3) adik-beradik. Beliau yang dibesarkan dalam sebuah keluarga nelayan kerap menghabiskan masa di pantai dengan aktiviti memancing dan mencari telur penyus. Beliau telah berkahwin dengan Puan Asmawati binti Abdullah pada 1 Oktober 1989 dan dikurniakan tujuh orang cahaya mata terdiri daripada empat lelaki dan tiga perempuan.



**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DAN PEKERJAAN SEBELUM BEKERJA DENGAN LHDN**

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seberang Takir, Kuala Terengganu. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu sehingga tamat Tingkatan 3 pada tahun 1978. Seterusnya beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu (Kejuruteraan). Misi melanjutkan pelajaran ke universiti diteruskan selepas mendapat tawaran ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam bidang asasi sains. Walaupun beliau menerima tawaran untuk menyambung pelajaran ke bidang peragian di Universiti Malaya, namun telah ditolak kerana minat yang mendalam dalam bidang Matematik. Ini dibuktikan apabila beliau berjaya menamatkan pengajian Sarjana Muda Matematik pada tahun 1987.

Tamat sahaja pengajian, beliau terus ditawarkan bekerja sebagai guru Matematik di Sekolah Grammar Terengganu, sebuah sekolah swasta di Kuala Terengganu dan dalam masa yang sama turut menjadi pensyarah sambilan di Sekolah Yayasan Islam Terengganu di Bukit Payung, Terengganu. Kemudian beliau ditawarkan menjadi pensyarah di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Balik Pulau, Pulau Pinang. Tempoh perkhidmatan di MRSM hanya bertahan selama dua (2) bulan kerana beliau menerima tawaran untuk meneruskan kerjaya di Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) pada tahun 1991.

Sesuatu yang menarik, Encik Mohd Jaafar meminati politik dan pernah dilantik sebagai Ketua Pemuda Cawangan dengan hasrat untuk membantu dan menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat.

**ENCIK MOHD JAAFAR BIN EMBONG**  
**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)**

## PENGALAMAN DAN LALUAN KERJAYA DI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Encik Mohd Jaafar telah berkhidmat di JDHN / LHDNM selama lebih 29 tahun dan laluan kerjaya beliau penuh warna-warni kerana pernah berkhidmat di pelbagai cawangan dan jabatan:

Tahun	Jawatan
1991-1994	Pegawai Penaksir W3 di Cawangan Jalan Duta
1994 - 2001	Pegawai Eksekutif G7 di Cawangan Kota Bharu
2001 - 2002	Cuti Belajar Bergaji Penuh
2002 - 2003	Pegawai Eksekutif G7 di Akademi Percukaian Malaysia
2003 - 2006	Pegawai Eksekutif G6 di Akademi Percukaian Malaysia
2006 - 2009	Pegawai Eksekutif G6 di Cawangan Ipoh
2009 - 2011	Pengarah G54 di Cawangan Ipoh
2011 - 2014	Pengarah G54 di Cawangan Pungutan KL
2014	Pengarah G54 di Pusat Bayaran KL
2015	Pengarah Bahagian Perancangan Strategik LHDNM
2015-2017	Pengarah Jabatan HGS L3 di Jabatan Pungutan Hasil
2017-2018	Pengarah Jabatan HGS L3 di Jabatan Pematuhan Cukai
2018	Pengarah Jabatan HGS L4 di Jabatan Pematuhan Cukai
2018 - April 2020	Pengarah Jabatan HGS L4 di Jabatan Pungutan Hasil



## CABARAN TERBESAR SEPANJANG BEKERJA DI JDHN / LHDNM

Dalam melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab di LHDNM, antara cabaran yang terbesar adalah mengemukakan kertas cadangan bagi pindaan Seksyen 75A, ACP 1967 dengan menurunkan pegangan saham pengarah yang boleh diambil tindakan daripada 50% kepada 0%. Pindaan ini akan membolehkan lebih banyak hutang syarikat dapat dikutip melalui pengarah syarikat. Beliau perlu mengemukakan pelbagai justifikasi kepada pihak pengurusan bagi membolehkan cadangan ini diterima ke arah 0% pegangan saham pengarah yang boleh diambil tindakan. Cadangan ini akhirnya diterima oleh pihak pengurusan walaupun hanya pada kadar 20% sahaja. Komitmen dan kesungguhan ini adalah bagi membolehkan LHDNM memungut lebih banyak cukai bagi syarikat yang tunggakan cukainya tinggi.

## TUGAS-TUGAS YANG MENCABAR APABILA DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)

Memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) merupakan satu tugas dan tanggungjawab yang cukup mencabar. Beliau sedar bukanlah mudah untuk menerajui bidang ini dalam memastikan segala input dalam sesebuah organisasi diuruskan dengan paling optimum bagi mencapai objektif organisasi dari perspektif pengurusan modal insan mahupun kewangan. Namun pengalaman sebagai Hasilian di pelbagai peringkat menjadi bekal kepada beliau untuk menjalankan tugas dalam menilai sesuatu tindakan.

Seboleh mungkin beliau bertekad untuk cuba memenuhi kehendak setiap Hasilian, walaupun tidak semua yang akan dapat dicapai kerana kekangan tertentu. Sehubungan dengan itu, beliau akan cuba untuk mendapatkan maklumat lengkap melalui kajian data analitik bagi mewujudkan ruang dan peluang kenaikan pangkat yang adil serta saksama kepada semua Hasilian. Itulah antara fokus utama beliau berdasarkan portfolio sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan). Beliau juga percaya bahawa gandingan Pengurusan Atasan yang sangat berpengalaman ini akan membolehkan beliau belajar dengan cepat bagi meneruskan legasi kecemerlangan LHDNM.



**PERUBAHAN ATAU PENCAPAIAN YANG TERBESAR YANG PERNAH DISUMBANGKAN SEPANJANG BEKERJA BERSAMA JHDN / LHDNM**

Perubahan dan pencapaian sepanjang beliau berkhidmat di JHDN / LHDNM ini adalah dengan mengemukakan cadangan dan pelaksanaan kepada pihak pengurusan seperti yang berikut;

- i. Pemencaran fail pungutan syarikat ke semua cawangan LHDNM yang mana tindakan dapat dibuat dengan lebih cepat apabila pembayar cukai berdekatan dengan cawangan.
- ii. Pindaan Seksyen 75A, ACP 1967 dengan menurunkan pegangan saham pengarah yang boleh diambil tindakan daripada 50% kepada 20%. Pindaan ini akan membolehkan lebih banyak hutang syarikat dapat dikutip melalui pengarah syarikat.
- iii. Mempraktikkan *Payment Thinking* di semua peringkat tindakan Hasilian. Elemen bayaran boleh dikutip atau penjimatan kos operasi diambil kira dalam sesuatu tindakan oleh pegawai penaksir.
- iv. Pindaan Seksyen 103, ACP 1967 dengan memendekkan tempoh untuk mengambil tindakan undang-undang lebih cepat sebanyak 30 hari.
- v. Penubuhan Unit Hybrid Audit dan Pungutan yang akan mengurangkan Akaun Boleh Terima (ABT) dan Hapuskira.
- vi. Pengiraan unjuran hasil menggunakan parameter daripada akaun untung rugi dan kunci kira-kira pembayar cukai sekaligus menjadikan unjuran hasil lebih tepat kerana amaunnya lebih besar.

Kesemua cadangan ini dikemukakan kepada pihak pengurusan dengan objektif bagi meningkatkan keberkesanan kutipan cukai yang menjadi KPI utama LHDNM. Walaupun pernah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan, beliau tabah dan cekal demi organisasi yang tercinta.

**KENANGAN TERINDAH YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN SEPANJANG BEKERJA DI LHDNM**


Pelbagai memori indah yang tercatat sepanjang lebih 29 tahun berkhidmat di JHDN/LHDNM. Antara kenangan yang terindah ialah pada April 2020, Encik Mohd Jaafar menerima perkhabaran kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) mulai 1 Mei 2020. Beliau memanjatkan rasa syukur kepada Allah s.w.t dan berterima kasih kepada Pengurusan Tertinggi LHDNM atas kepercayaan dan peluang yang diberikan ini.

Encik Mohd Jaafar turut menceritakan bahawa beliau pernah menjadi pelajar terbaik semasa mengambil peperiksaan lanjutan percukaian di Akademi Percukaian Malaysia. Beliau yang menjadi anak murid Tan Sri Mohd Shukor semasa itu, turut berkongsi pengalaman belajar secara kreatif dengan merakam melalui kaset dan mendengar kembali rakaman berkenaan. Beliau turut membuat nota dengan menjawab latihan soalan-soalan kes undang-undang yang menjadi rujukan pegawai sehingga kini.

Sebagai pegawai yang sering menitikberatkan kecemerlangan dalam tugas, beliau telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 1995, 1999 dan 2015.

Encik Mohd Jaafar juga pernah dilantik sebagai Presiden *HQ Team* (ahli-ahli terdiri daripada Pengarah Jabatan dan Cawangan Khas) di mana beliau bertindak sebagai jurucakap dengan matlamat seperti berikut;

- i. Menetapkan objektif dan hala tuju *HQ Team*;
- ii. Memainkan peranan secara aktif, bertanggungjawab, beretika dan cekap dalam membuat keputusan;
- iii. Memastikan *HQ team* melaksanakan fungsi dan peranan berdasarkan terma rujukan;
- iv. Memastikan supaya kata putus dapat dicapai dalam setiap perbincangan dan jika perlu, memutuskan supaya undian dilakukan dan keputusan akan dibuat berdasarkan majoriti;
- v. Memastikan semua ahli mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan bagi membolehkan *HQ Team* membuat keputusan dengan tepat.



Surat Kepujian Pelajar Terbaik Peperiksaan



## AKTIVITI KEGEMARAN YANG DILAKUKAN UNTUK MENGURANGKAN TEKANAN KERJA DI PEJABAT

Antara aktiviti yang kerap dilakukan oleh Encik Mohd Jaafar adalah berjoging dan berbasikal. Beliau lebih gemar berjoging secara indoor menggunakan *treadmill* sambil mendengar lagu kegemaran beliau ataupun menonton video di Youtube. Antara video kegemaran beliau adalah klip video karaoke nyanyian Broery Marantika, motivasi dan ceramah agama.

Kebolehan dan bakat beliau untuk menyanyi pula membuatkan beliau cukup popular dengan nama gelaran Broery LHDNM kerana kerap menyanyikan koleksi lagu-lagu Broery Marantika. Antaranya adalah Widuri, Biarlah Bulan Bicara, Angin Malam, Jangan Ada Dusta Di Antara Kita, Hati Yang Terluka dan banyak lagi.

Memandangkan beliau mempunyai ciri sebagai pemimpin yang berwibawa, beliau juga sering dilantik sebagai pengurus acara sukan dan pencapaian tertinggi beliau adalah dilantik sebagai Ketua Kontinjen LHDNM bagi Pertandingan Sukan Badan Berkanun pada tahun 2014.

Bil	Aktiviti Sukan	Peringkat	Tahun
1	Pengurus Pasukan Catur LHDNM	Sukan Kementerian Kewangan	2011
2	Pengurus Pasukan Ping-Pong LHDNM	Sukan Badan Berkanun	2012
3	Pengurus Pasukan Sukan Olahraga LHDNM	Sukan Kementerian Kewangan	2013
4	Pengurus Pasukan Karom LHDN	Sukan Badan Berkanun	2014

5	Ketua Kontigen Zon Cyberjaya	Sukan Hasil LHDNM	2015
6	Ketua Kontigen LHDNM	Sukan Badan Berkanun	2016
7	Timbalan Ketua Kontigen Zon Cyberjaya	Sukan Hasil LHDNM	2017
8	<i>Malaysia-Singapore Revenue Games 2018</i>	Ketua Kontigen LHDNM	2018
9	Pengurus Pasukan Bowling LHDNM	Sukan Kementerian Kewangan	2019
10	Timbalan Ketua Kontigen Zon Cyberjaya	Sukan Hasil LHDNM	2020

## TIGA (3) PERKARA YANG PERLU ADA DALAM SEORANG HASILIAN SEKIRANYA INGIN MENJADI PEGAWAI YANG CEMERLANG DI LHDNM

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dan telah menghadiri pelbagai kursus pengurusan, Encik Mohd Jaafar berkongsi ciri-ciri yang perlu ada pada Hasilian untuk menjadi pegawai yang cemerlang seperti berikut;

- i. Sentiasa berusaha menjadi yang terbaik – *The Best*. Dengan bersikap menyahut cabaran jika diberikan kerja atau tugas bagi dilaksanakan sehabis baik tanpa sebarang alasan.
- ii. Menjaga keharmonian dalam organisasi yang mana menuntut setiap pegawai untuk sentiasa hormat menghormati dan bersikap terbuka. Pegawai adalah aset yang perlu dijaga dalam sesebuah organisasi.
- iii. Kreatif dan sentiasa berinovasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Cuba memperkenalkan kaedah atau cara baharu melaksanakan kerja-kerja di LHDNM dan tidak hanya selesa dengan proses kerja sedia ada.



# TAKRIFAN KETIDAKPATUHAN CUKAI DAN EKONOMI BAYANGAN

Oleh : **Dr Muhammad Aqbal Mashadi**  
 Susunan : **Dr Abdul Razak Mohamad Dewa**

Kebelakangan ini isu ekonomi bayangan (EB) sering dibangkitkan oleh pihak kerajaan ekoran dari kehilangan cukai dari blok ekonomi yang tidak formal ini. Malah undian dalam talian yang dijalankan oleh firma penyelidikan *boutique market* Green Zebras Sdn Bhd mendapati 83% rakyat Malaysia bersetuju supaya kerajaan mendapatkan kehilangan cukai akibat aktiviti EB ini (*Daily Express*, 2020). Artikel ini mengajak pembaca memahami takrifan berkaitan ketidakpatuhan cukai dan aktiviti EB di Malaysia berdasarkan kajian tesis PhD bertajuk “Ketidakpatuhan Cukai dan *Cash Economy*: Kajian Ke Atas PKS Sektor Pembinaan Di Malaysia” tahun 2016.

## TAKRIFAN KETIDAKPATUHAN CUKAI

Berikut ringkasan takrifan ketidakpatuhan cukai berdasarkan penyelidikan terdahulu seperti Jadual 1.

Jadual 1: Takrifan Ketidakpatuhan Cukai

Tahun	Penyelidik	Takrifan
1967	Akta Cukai Pendapatan	Ketidakpatuhan cukai ialah berdasarkan peruntukan beberapa seksyen yang berkaitan dengan penalti dan kesalahan.
1989	Roth, Scholz & Witte	Menjelaskan pihak yang tidak patuh cukai ialah pembayar cukai yang tidak menghantar borang cukai pada masa dan gagal melaporkan semua pendapatan serta pelepasan cukai mengikut undang-undang, peraturan dan keputusan mahkamah pada masa tersebut
1993	Kinsey, K.A dan Grasmick, H.G	Menyatakan ketidakpatuhan cukai sebagai kegagalan untuk mematuhi undang-undang cukai sama ada dengan niat ataupun tanpa niat melakukannya
2013	Josephine, H	Bagi persekitaran cukai di Malaysia interpretasi patuh cukai dan tidak patuh cukai merujuk kepada komponen daftar, hantar, lapor dan bayar

LHDNM turut mengguna pakai takrifan ketidakpatuhan cukai selari dengan amalan perundangan oleh kebanyakan pentadbir cukai di luar negara serta institusi yang berkaitan dengan cukai. Pemerhatian kajian terhadap laporan dan laman web mendapati *Inland Revenue Services (IRS)*, *Australian Taxation Office (ATO)*, *Her Majesty’s Revenues and Customs (HMRC)*, *Canada Revenue Agency (CRA)*, *Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan *International Monetary Fund (IMF)* secara umum menyatakan bahawa senario ketidakpatuhan berlaku apabila pembayar cukai telah melakukan salah satu daripada tindakan berikut iaitu tidak menghantar borang cukai, tidak melaporkan sumber pendapatan dengan betul dan tidak membayar sepenuhnya tanggungan cukai. Namun begitu tidak dinafikan ada pentadbir cukai yang memasukkan komponen mendaftar sebagai pembayar cukai juga sebagai salah satu komponen pematuhan.

## TAKRIFAN EKONOMI BAYANGAN

EB merupakan satu istilah yang telah digunakan oleh kebanyakan pihak berkuasa cukai seperti *Australia Tax Office, (ATO), Inland Revenue Service (IRS)* dan *Her Majesty's Revenue & Customs (HMRC)* dalam merujuk satu aktiviti ekonomi yang tidak termasuk dalam pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pada masa yang sama tidak membayar cukai pendapatan. Selain istilah EB, terdapat beberapa istilah lain yang digunapakai seperti *underground, black, clandestine, subterranean, hidden, cash, parallel & non-observe economy (OECD, 2012)*. Sehingga kini masih belum ada satu takrifan atau definisi yang standard yang boleh digunapakai bagi merujuk tingkahlaku individu atau syarikat yang terlibat dengan aktiviti tersebut (*Schneider, 2005*).

Takrifan ekonomi bayangan dari sudut pentadbir cukai seperti berikut:

Tahun	Penyelidik	Takrifan
1977-1979	Feige, E.L dan Gutmann, P.M	Kedua-dua penyelidik ini berpandangan EB meliputi aktiviti ekonomi yang tidak diambil kira sebagai pendapatan negara dan pada masa sama terlepas dari membayar cukai langsung atau tidak langsung membayar cukai.
1997	ATO	Pendapatan yang tidak direkodkan dalam buku yang menjadi sumber kepada penyediaan borang cukai.
1983	Tanzi, V.	Pendapatan kasar sesebuah negara yang tidak direkod atau dilaporkan.
2005	Schneider, F.	Mengemukakan dua definisi untuk ekonomi bayangan iaitu; 1) Aktiviti ekonomi yang tidak didaftarkan, sepatutnya diambil kira sebagai pendapatan kasar Negara. 2) Pendapatan atau aktiviti ekonomi yang terlepas dari pemerhatian, perundangan dan percukaian sesebuah negara.
2013	HMR	Pihak yang menyembunyikan keseluruhan aktiviti serta pendapatan dari pengetahuan pihak berkuasa cukai dan pihak yang telah menghantar borang cukai serta melaporkan satu atau dua sumber pendapatan tetapi masih ada lagi sumber pendapatan lain yang tidak dilaporkan.
2014	Canada Revenue Agency	Semua aktiviti ekonomi yang tidak dilaporkan untuk tujuan cukai melibatkan tindakan tidak lapor dan kurang lapor jualan atau pendapatan yang mungkin melibatkan; kegagalan untuk memfailkan atau mendaftar; kegagalan untuk melaporkan aktiviti perniagaan; kegagalan untuk melaporkan sebahagian daripada aktiviti perniagaan atau pendapatan; atau kegagalan untuk melaporkan pendapatan penggajian.

Sementara kajian Lippert & Walker (1997) menerusi Jadual 2 di bawah telah memperincikan maksud transaksi ekonomi mengikut komponen aktiviti yang sah dan tidak sah dan juga kategori transaksi perniagaan sama ada menggunakan sistem matawang ataupun sistem 'barter'.

**Jadual 2: Komponen Aktiviti Ekonomi Bayangan**

Tidak Sah	Transaksi Melibatkan Wang		Transaksi Tidak Melibatkan Wang	
Aktiviti Menyalahi Undang-Undang	Perdagangan barang curi, pengedaran dan pembuatan dadah, pelacuran, perjudian, penyeludupan dan penipuan.		Menggunakan sistem barter bagi aktiviti dadah, barang curi dan penyeludupan.	
Sah	Pelarian Cukai	Pengelakan Cukai	Pelarian Cukai	Pengelakan Cukai
Aktiviti Tidak Menyalahi Undang-Undang	<p>Tidak melaporkan pendapatan dari hasil kerja sendiri @ sampingan.</p> <p>Terimaan upah, gaji dan aset yang tidak lapor dari kerja yang sah.</p>	<p>Penerimaan diskaun dan manfaat yang berkaitan lain dari pekerjaan yang sah.</p>	<p>Penggunaan sistem barter dalam transaksi perniagaan. (Pembelian barang di bayar melalui pertukaran barang)</p>	<p>Kerja-kerja yang dilakukan sendiri atau bantuan jiran mengikut giliran.</p>

Sumber : Lippert & Walker (1997)

## KESIMPULAN

Sehingga kini pihak berkuasa cukai mengakui masih belum ada satu konsensus berhubung takrifan yang standard, menjelaskan bahawa aktiviti EB ini tidak termasuk dalam pengiraan KDNK sesebuah negara dan juga tidak membayar cukai. Dapatan kajian tesis ini telah melakukan perbandingan yang jelas antara aktiviti ketidakpatuhan cukai dan aktiviti EB menerusi paparan Rajah 1 di bawah.

**Rajah 1: Perbezaan Antara Ketidakpatuhan Cukai Dan Ekonomi Bayangan**

Ketidakpatuhan Cukai	Ekonomi Bayangan
Tidak patuh kepada perundangan cukai sahaja.	Tidak patuh lebih daripada satu peruntukan undang-undang.
Lewat mendaftar sebagai pembayar cukai apabila layak dikenakan cukai.	Tidak mendaftar sebagai pembayar cukai apabila layak dikenakan cukai
Lewat menghantar borang cukai mengikut tempoh yang ditetapkan.	Tidak menghantar borang cukai.
Kurang melapor pendapatan atau menuntut belanja tidak dibenarkan	Tidak melaporkan semua sumber pendapatan yang diperoleh.
Lewat atau tidak membayar cukai mengikut tempoh yang ditetapkan	Tidak membayar jumlah cukai yang sepatutnya disebabkan tidak lapor semua sumber pendapatan
Golongan yang berada di dalam mangkuk percukaian.	Golongan yang berada di luar dan di dalam mangkuk percukaian.

Merujuk kepada Rajah 1 di atas, aktiviti ketidakpatuhan cukai lebih terarah kepada perlakuan lewat mendaftar, lewat menghantar borang cukai, kurang melapor pendapatan dan lewat dalam membuat pembayaran. Sebaliknya aktiviti EB lebih berfokus dan terancang kerana kesemua perlakuan yang ditunjukkan berteraskan satu matlamat iaitu untuk tidak membayar cukai. Selain dari bentuk perlakuan (daftar, hantar, lapor & bayar), perbezaan lain yang dapat diperhatikan ialah ketidakpatuhan cukai hanya melanggar undang-undang percukaian sahaja sebaliknya EB sudah pasti tidak patuh lebih dari satu peruntukan perundangan (cukai, pendaftaran perniagaan, akta pekerja seperti KWSP dan SOCSO). Apabila EB ini tidak berdaftar dengan mana-mana pengkalan data sudah pasti keberadaan aktiviti ini berada di luar skop percukaian berbeza dengan ketidakpatuhan cukai yang sudah pun mempunyai maklumat dengan pihak LHDNM.

## **RUJUKAN**

Akta Cukai Pendapatan (Act 53), Pub. L. No. Akta 53 (1967). Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Australian Taxation Office. 1997. *Improving Tax Compliance in the Cash Economy*. Canberra, Australia.

Canada Revenue Agency. 2014. *Reducing Participation in the Underground Economy – Canada Revenue Agency 2014-2015 to 2017-2018*. Retrieved from <https://www.canada.ca/en/revenue-agency/corporate/about-canada-revenue-agency-cra/tax-alert/reducing-participation-underground-economy-canada-revenue-agency-2014-2015-2017-2018.html>

Daily Express, 2020. *Malaysians Want Govt To Recover Taxes Lost To Shadow Economy*, 29 May 2020.

Feige, E. L. 1979. *How Big is the Irregular Economy*. *Challenge*, 22(5), 5–13.

Gutmann, P. M. 1977. *The Subterranean Economy*. *Financial Analysts Journal*, 33(6), 26–27.

HM Revenue & Customs. 2013. *Tackling The Hidden Economy*. Retrieved from [https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/190076/HMRC\\_Issue\\_briefing\\_-\\_Tackling\\_the\\_hidden\\_economy.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/190076/HMRC_Issue_briefing_-_Tackling_the_hidden_economy.pdf)

Josephine, H. . 2013. *Enforcement Trend and Compliance Challenges : Malaysia's Experience*. *The Fourth IMF-Japan High-Level Tax Conference for Asian Countries*, hlm.35. Tokyo.

Kinsey, K. A. & Grasmick, H. G. 1993. *Did the Tax Reform Act of 1986 Improve Compliance? Three Studies of Pre and Post TRA Compliance Attitude*. *Law & Policy*, 15(4), 293–325.

Lippert, O. & Walker, M. 1997. *The Underground Economy: Global Evidence of its Size and Impact*. Canada: The Fraser Institute.

Muhammad Aqbal Mashadi. 2016. *Ketidakpatuhan Cukai dan Cash Economy: Kajian Ke Atas PKS Sektor Pembinaan Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

OECD. 2012. *Reducing Opportunities for Tax Non-compliance in the Underground Economy*. *Forum on Tax Administration: SME Compliance Sub-Group*,. Organisation For Economic Co-Operation and Development.

Roth, J. A., Scholz, J. T. & Witte, A. D. 1989. *Taxpayer Compliance: An Agenda for Research*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

Schneider, F. 2005. *Shadow Economies Around the World : What Do We Really Know ?* *European Journal of Political Economy*, 21, 598–642.

Tanzi, V. 1983. *The Underground Economy in the United States: Annual Estimates 1930-1980*. *Staff Papers - International Monetary Fund*, 30(2), 283–305.

# PELANCARAN TAX PAYER ROAD MAP LHDNM

Oleh: **Dr. Rasyidah Che Rosli**

Sebagai inisiatif bagi tahun 2020, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM) telah mengeluarkan panduan yang dikenali sebagai *Taxpayer Roadmap* LHDNM. *Taxpayer roadmap* ini bertujuan memberi panduan yang menyeluruh kepada pembayar cukai terhadap sistem percukaian di Malaysia. *Roadmap* ini telah dilancarkan pada 13 Januari 2020 oleh Menteri Kewangan untuk meningkatkan tahap keyakinan orang awam ke atas setiap tindakan percukaian yang dilaksanakan oleh LHDNM. *Roadmap* ini juga membantu pegawai LHDNM mengetahui peranan dan tanggungjawab setiap pegawai lain di dalam organisasi. Maklumat secara menyeluruh ini secara tidak langsung memudahkan proses penyeliaan tugas pegawai-pegawai tersebut dalam memastikan kualiti perkhidmatan kepada pembayar cukai dapat dipertingkatkan.

Pembayar cukai pada amnya mempunyai hak untuk mengetahui tanggungjawab mereka di bawah undang-undang percukaian. Sehubungan dengan itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab LHDNM untuk memberikan panduan ke atas sistem percukaian bagi membolehkan pembayar cukai memahami setiap proses percukaian yang terlibat. *Taxpayer roadmap* ini memberi penjelasan dan penerangan dalam bentuk grafik berkenaan proses kerja yang merangkumi proses pengemukakan dan pemrosesan borang nyata cukai, audit, siasatan, kutipan cukai, litigasi cukai, rayuan dan undang-undang percukaian. LHDNM sedia maklum bahawa isu berkenaan percukaian adalah kompleks dan sebagai langkah memudahkan pemahaman pembayar cukai *roadmap* yang diperkenalkan memberi fokus kepada lapan (8) prosedur utama seperti berikut:

## 1. PENYEDIAAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN

*Taxpayer Roadmap* ini bermula dengan proses penyediaan Borang Nyata Cukai. Bagi tujuan tersebut, LHDNM menyediakan pelbagai platform untuk membolehkan pembayar cukai mendapatkan maklumat percukaian melalui cawangan-cawangan LHDNM, *Hasil Care Line*, laman sesawang serta melalui ejen cukai. Pembayar cukai diberi pilihan sama ada ingin menggunakan khidmat ejen cukai dan profesional bagi tujuan penyediaan borang nyata cukai atau menyediakan dan memfailkan borang tersebut secara sendiri.

## 2. PEMROSESAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN

Pembayar cukai diberi kemudahan untuk mengemukakan borang nyata secara elektronik iaitu melalui *e-filing* atau secara borang kertas (manual). Proses semakan secara atas talian dibuat bagi mengenalpasti borang dikemukakan dalam tempoh atau lewat. Selepas mengemukakan borang nyata, pembayar cukai kemungkinan menerima bayaran balik, telah menjelaskan sepenuhnya cukai atau perlu menjelaskan baki cukai yang masih tertunggak. Walau bagaimanapun, LHDNM menggalakkan pembayar cukai untuk mengemukakan borang nyata cukai pendapatan melalui *e-filing* kerana ianya lebih mudah, selamat dan tepat.

Jika pembayar cukai mengemukakan borang nyata secara elektronik, sistem akan membuat semakan berdasarkan had (*threshold*) yang telah ditetapkan bagi setiap medan kemasukan data bagi memastikan had tuntutan. Oleh itu, melalui pengemukakan borang nyata secara elektronik akan dapat meminimalkan kesilapan pengiraan berbanding secara manual.

Seiring dengan ledakan teknologi maklumat, sejak tahun 2017, LHDNM telah membangunkan platform *Big Data* yang dikenali sebagai *Hasil Power Data* bagi menggabungkan data dari pelbagai sumber seperti (i) data dalaman, (ii) maklumat daripada aktiviti pematuhan, (iii) perkongsian data antara agensi kerajaan / pusat, (iv) kerjasama antarabangsa dalam pertukaran maklumat (*Automatic Exchange of Information, Common Reporting Standard dan Country by Country Reporting*). Sehubungan itu, LHDNM berkeupayaan untuk membangunkan suatu profil lengkap pembayar cukai yang berpotensi dan yang culas berdasarkan gabungan data daripada luaran dan dalaman.

## 3. PROSES AUDIT

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, aktiviti audit cukai adalah aktiviti utama LHDNM bagi memastikan pembayar cukai menjalankan tanggungjawab sebagai pembayar cukai serta meningkatkan kadar pematuhan secara sukarela. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit, ini tidak bermaksud mereka telah melakukan kesalahan. Objektif utama audit cukai adalah untuk menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela selaras dengan undang-undang dan peraturan percukaian. Pemilihan kes audit adalah berdasarkan penilaian risiko secara sistematik dan berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber.

Oleh itu, *roadmap* memberi panduan yang jelas berkenaan tatacara kerja audit, maklumat dan dokumen yang diperlukan semasa aktiviti audit. Pembayar cukai juga akan dimaklumkan berkenaan tempoh pelaksanaan audit. Semasa permulaan audit, LHDNM akan mengemukakan surat permohonan maklumat atau dokumen kepada pembayar cukai. Pembayar cukai diberi tempoh selama 14 hari untuk mengemukakan sebarang dokumen atau maklum balas jika diperlukan. Pegawai LHDNM akan memberikan notis awal sekiranya lawatan audit diperlukan untuk menyemak dokumen pembayar cukai di premis mereka. Selepas proses semakan kes audit, pegawai LHDNM akan memaklumkan pembayar cukai berkenaan penemuan semakan kes secara bertulis. Jika pembayar cukai bersetuju dengan penemuan audit tersebut, kes akan diselesaikan. Jika pembayar cukai tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, pembayar cukai boleh mengemukakan bantahan secara rasmi dalam tempoh lapan belas hari (18) hari dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti yang menyokong

bantahan tersebut. Selepas proses rundingan, jika pembayar cukai bersetuju taksiran akan dibangkitkan atau surat tanpa penemuan akan dikemukakan.

#### 4. PROSES SIASATAN (IRBM INVESTIGATION PROCESS)

Bagi kes-kes tertentu berdasarkan maklumat dan pemilihan kes, LHDNM juga menjalankan aktiviti siasatan ke atas pembayar cukai. Siasatan adalah kerja-kerja pemeriksaan buku, dokumen, objek, artikel, bahan perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai termasuk dokumen peribadi. Pemeriksaan ini dilakukan untuk memastikan pendapatan sebenar telah dilaporkan dan cukai dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaaian. Pembayar cukai boleh didakwa dimahkamah susulan daripada penyelesaian tindakan siasatan cukai. Sekiranya disabitkan kesalahan oleh mahkamah pembayar cukai boleh dikenakan penalti, hukuman denda dan atau penjara.

Proses siasatan bermula dengan pengemukaan surat kepada pembayar cukai, ejen cukai atau pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan permohonan maklumat dan dokumen. Pembayar cukai dikehendaki untuk mengemukakan maklum balas secara bertulis atau perlu hadir pejabat LHDNM yang berkaitan. Secara amnya, pembayar cukai akan dimaklumkan berkenaan lawatan ke premis secara bertulis. Walau bagaimanapun, bergantung kepada fakta sesuatu kes dan sekiranya difikirkan wajar, LHDNM boleh tanpa sebarang notis membuat lawatan ke premis perniagaan, kediaman, premis ejen cukai atau lain-lain premis pembayar cukai.

Semasa lawatan, bagi menentukan wujud pelarian cukai, LHDNM mempunyai kuasa untuk memohon dokumen dan maklumat pembayar cukai. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, LHDNM akan menentukan samada kes akan diteruskan secara sivil atau jenayah. Dalam kebanyakan kes, penyelesaian dibuat secara sivil dimana semakan akan dibuat oleh pegawai. Penemuan hasil siasatan akan dimaklumkan kepada pembayar cukai. Selepas proses rundingan, pembayar cukai perlu menandatangani surat perjanjian dan membuat bayaran cukai yang sepatutnya. Jika pembayar cukai tidak bersetuju dengan penemuan kes, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh berdasarkan penilaian terbaik beliau membangkitkan taksiran dan penalti tanpa persetujuan pembayar cukai.

#### 5. KUTIPAN CUKAI (IRBM TAX COLLECTION)

LHDNM akan memastikan pembayar cukai yang masih mempunyai tunggakan cukai membuat bayaran yang sepatutnya melalui pelbagai medium seperti surat peringatan, panggilan telefon atau emel. LHDNM juga akan mengeluarkan surat Pemberitahuan Tindakan Mahkamah jika pembayar cukai masih gagal menyelesaikan tunggakan. Jika tunggakan cukai tidak diselesaikan pihak LHDNM juga mempunyai pilihan untuk mengambil tindakan kaveat, melantik agen dan mengeluarkan perintah menghalang pembayar cukai keluar negara.

#### 6. IRBM CIVIL RECOVERY PROCEDURE

Tindakan saman sivil di mahkamah akan diambil terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan tunggakan cukai. Melalui saman sivil yang difailkan, pihak LHDNM akan mendapatkan penghakiman terhadap pembayar cukai bagi jumlah cukai yang masih tertunggak. Selanjutnya, untuk menguatkuasakan

penghakiman yang telah diperolehi terdapat beberapa pilihan tindakan antaranya ialah tindakan kebangkrapan, saman penghutang penghakiman, writ penyitaan, tindakan garnisi atau bagi kes pembayar cukai syarikat tindakan penggulungan boleh dimulakan terhadap pembayar cukai bagi mendapatkan jumlah cukai yang masih tertunggak tersebut. Bagi kes saman penghutang penghakiman pihak LHDNM boleh meneruskan tindakan komital di mahkamah sekiranya pembayar cukai gagal untuk mematuhi perintah bayaran yang telah diarahkan oleh Mahkamah. Tindakan garnisi pula dilihat sebagai suatu langkah yang efektif jika pihak LHDNM mempunyai maklumat perbankan yang lengkap. Melalui proses ini suatu perintah daripada Mahkamah akan diperolehi terlebih dahulu bagi membolehkan pihak bank mengemukakan simpanan pembayar cukai kepada LHDNM bagi menyelesaikan jumlah cukai yang tertunggak.

#### 7. PROSEDUR PENDAKWAAN JENAYAH

Tindakan pendakwaan boleh dikenakan ke atas pembayar cukai yang gagal atau terkurang melaporkan apa-apa pendapatan yang tertakluk kepada cukai di dalam borang nyata cukai pendapatan yang dikemukakan kepada LHDNM. Penemuan gagal atau terkurang lapor ditentukan melalui aktiviti audit atau siasatan yang dijalankan terhadap pembayar cukai. Pembayar cukai yang dikenakan tindakan pendakwaan boleh setelah disabitkan bersalah oleh mahkamah dijatuhkan hukuman denda atau penjara dan diperintahkan untuk membayar penalti khas yang bersamaan atau tiga kali ganda jumlah cukai yang terkurang lapor. Tindakan pendakwaan terhadap pembayar cukai boleh diambil di bawah seksyen 112(1A), 113(1) dan 114(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

#### 8. PROSES RAYUAN (BORANG Q)

*Taxpayer Roadmap* LHDNM juga memberi penerangan yang jelas kepada pembayar cukai berkenaan hak rayuan. Jika notis taksiran dibangkitkan tanpa persetujuan pembayar cukai, mereka mempunyai hak untuk memfailkan rayuan dengan menggunakan Borang Q. Rayuan perlu dibuat oleh pembayar cukai dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran diserahkan. Rayuan pembayar cukai akan disemak terlebih dahulu oleh pihak LHDNM dan sekiranya tidak ada penyelesaian boleh dicapai antara pihak LHDNM dan pembayar cukai, rayuan pembayar cukai akan dikemukakan dan dibicarakan dihadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP). Mana-mana pihak yang masih tidak berpuas hati terhadap keputusan PKCP boleh merayu selanjutnya ke peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

#### 9. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, *Taxpayer Roadmap* LHDNM membantu pembayar cukai memahami setiap proses dan prosedur di dalam sistem percukaaian bermula dari penyediaan borang cukai, pematuhan, pungutan cukai, pendakwaan dan rayuan. *Taxpayer Roadmap* ini juga merupakan tools yang berkesan bagi tujuan pendidikan cukai serta komunikasi dengan pembayar cukai melalui carta dan grafik.



# NOMBOR PENGENALAN CUKAI

Oleh : Junaidatul Al-Fatih Elias

U mum mengetahui bahawa cukai merupakan salah satu sumber pendapatan kerajaan dan memainkan peranan yang amat penting dalam membangunkan ekonomi negara. Setiap sumbangan pembayar cukai digunakan dengan sebaik mungkin demi kestabilan serta manfaat berterusan kepada rakyat.

Menyedari kepentingan ini, Bajet 2020 memperkenalkan inisiatif Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN) untuk semua perniagaan atau individu yang berumur 18 tahun ke atas yang mempunyai hasil pendapatan akan diperkenalkan mulai Januari 2021. Nombor Pengenalan Cukai adalah kombinasi nombor yang unik diberikan kepada individu atau entiti tertentu. Ia turut dilaksanakan di negara-negara luar mengikut ketetapan berbeza walaupun berkonsepkan perkara yang sama.

Inisiatif tersebut akan memastikan tiada pembayar cukai yang culas atau gagal menunaikan tanggungjawab berkenaan, selain memberi keadilan kepada pihak yang sudah lama berbuat demikian. Kerajaan dalam pada itu turut melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi melancarkan pelaksanaan mekanisme berkenaan.

Menurut ucapan Timbalan Menteri Kewangan dalam Forum Dasar Percukaian Malaysia bertajuk “Memperkuh Masa Depan Fiskal Malaysia” pada 22 Oktober 2019, beliau menyatakan bahawa terdapat keperluan mendadak untuk memiliki satu kapasiti cukai yang kukuh demi melaksanakan dasar yang digariskan oleh kerajaan. Ini berikutan percukaian ini adalah sumber pendapatan yang stabil dan boleh diselaras serta dapat digerakkan jika perlu berbuat demikian.

## NOMBOR PENGENALAN CUKAI INDIVIDU MENGIKUT NEGARA





Bantulah **NEGARA**  
Melawan **COVID-19**

Dengan Menjalankan

**TANGGUNGJAWAB**

Anda



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@LHDNMOfficial](https://twitter.com/LHDNMOfficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT

# PREMIS LHDNM DITUTUP SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Oleh : Saidul Sahri Alkamal

Semua premis Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di seluruh negara telah ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 dan dibuka semula secara berperingkat dengan perkhidmatan yang terhad mulai 23 April 2020. Sepanjang tempoh penutupan, semua pegawai melaksanakan tugas dari rumah bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan LHDNM selain daripada mengelakkan risiko jangkitan wabak COVID-19.

Pada masa yang sama, LHDNM sentiasa berusaha memastikan kes percukaian segera dapat diberikan perhatian sewajarnya. Kenyataan media bertarikh 17 Mac 2020 menjelaskan bahawa sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan isu-isu percukaian dalam tempoh PKP boleh dimajukan kepada LHDNM melalui medium yang telah disediakan iaitu dengan menghubungi *Hasil Care Line (HCL)*, *HASiL Live Chat*, dan Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM menerusi pautan <https://maktumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>. LHDNM turut menawarkan perkhidmatan melalui media sosial rasmi di *Facebook* dan *Twitter*.

Memahami kesukaran yang dialami oleh pembayar cukai dalam memenuhi tanggungjawab mereka, LHDNM turut mengeluarkan sisipan soalan lazim berkaitan urusan percukaian sepanjang PKP yang boleh diakses melalui Portal Rasmi LHDNM dan dikemaskini secara berperingkat mengikut keperluan semasa. Ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan yang mengutamakan keselamatan serta kesihatan rakyat dalam membendung penularan Covid-19 pada masa itu. Selain itu, LHDNM turut terlibat dalam pengurusan serta pelaksanaan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Geran Khas Prihatin (GKP) yang diumumkan oleh Perdana Menteri. Operasi talian *Hasil Care Line* dan Bantuan Sara Hidup dipergiatkan dengan pertambahan hari operasi sepanjang tempoh PKP tersebut bagi membantu melayani persoalan berkaitan dengan bantuan yang menyasarkan kelompok masyarakat yang terkesan akibat pandemik yang melanda seluruh dunia tersebut.

Sebagai salah sebuah agensi yang tersenarai sebagai *essential services* negara, LHDNM akan sentiasa memastikan keperluan dan urusan semua pihak terutamanya pembayar cukai dipenuhi serta dipermudahkan dengan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan serta penambahbaikan proses kerja sedia ada sebagai tanda keprihatinan organisasi bersama-sama seluruh rakyat Malaysia dalam mendepani situasi yang mencabar ini.



PKP: Premis LHDNM beroperasi dengan perkhidmatan terhad sepanjang PKP



Semua premis LHDN ditutup sepanjang PKP

JUMAAT, 27 MARCH 2020 @ 10:03 AM



# Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

## BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

&

## GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)

Oleh : Jaffar Tukiran

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sekali lagi diberikan tanggungjawab sebagai agensi pelaksana pemberian bantuan kerajaan iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN) selepas Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM 250 bilion pada 27 Mac 2020 yang lepas. Pakej Rangsangan Ekonomi ini adalah tambahan kepada jumlah RM20 bilion yang diumumkan pada 27 Februari sebelum ini. Rakyat juga boleh menikmati pelbagai bantuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

Selepas pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2012 dan kemudian dinamakan kepada Bantuan Sara Hidup (BSH) pada tahun 2018, LHDNM terus diberikan amanah dan tanggungjawab bagi pelaksanaan BPN. Kerajaan yang faham bahawa dalam keadaan ketidakpastian ekonomi dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19 yang sedang dihadapi sekarang, rakyat telah terjejas sumber pendapatan. Justeru, bagi meringankan beban rakyat, Kerajaan telah menyediakan Bantuan Prihatin Nasional iaitu pemberian tunai secara *one-off* dan buat pertama kali akan disalurkan juga kepada kumpulan M40. Penerima BPN ini termasuklah penjawat awam, pekerja swasta, peneroka FELDA, petani, nelayan, peniaga kecil dan semua yang tergolong dalam kumpulan M40 dan ke bawah.

Perlaksanaan satu lagi bantuan kerajaan kepada rakyat ini adalah di bawah seliaan dan pemantauan Unit Pelaksanaan Dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan Malaysia. Di LHDNM, Jabatan Operasi Cukai dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Kewangan telah bertungkus lumus membuat persediaan dan ujian bagi memastikan Portal Bantuan Prihatin Nasional berjalan dengan lancar walaupun pembangunan terpaksa dibuat dalam tempoh yang singkat. Sejarah tercipta di mana LHDNM berjaya menyediakan Portal BPN dalam tempoh tiga (3) hari sahaja untuk membolehkan portal diakses oleh rakyat bermula 1 April 2020. Jabatan Khidmat Korporat pula terlibat untuk menguruskan talian panggilan bagi memberikan panduan dan bantuan kepada pemohon BPN. Manakala Bank Simpanan Nasional dan CIMB Bank adalah bank ejen yang telah dipilih bagi menyalurkan bantuan kepada semua penerima yang layak.

Semakan kelayakan Bantuan Prihatin Nasional ini telah mula dibuka kepada rakyat pada 1 April 2020 melalui capaian di <https://bpn.hasil.gov.my>. Walaupun mengalami sedikit gangguan pada permulaannya, pasukan khas LHDNM telah melakukan penambahbaikan bagi memastikan ianya boleh diakses oleh rakyat Malaysia. Kapasiti talian dan server sentiasa dipantau dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kelayakan BPN adalah berdasarkan maklumat sedia ada bagi penerima BSH dan rekod percubaan di LHDNM. Permohonan baharu BPN bagi isi rumah dan bujang yang tiada di dalam rekod kedua-dua pangkalan data ini dibuka mulai 1 April 2020, manakala permohonan rayuan BPN pula dibuka mulai 3 April



2020. Permohonan baharu dan rayuan BPN dibuka sehingga 30 April 2020 dan perlu dimohon sepenuhnya secara dalam talian di Portal BPN.

Kementerian Kewangan Malaysia telah menetapkan bahawa keputusan dan pembayaran bagi permohonan baharu dan rayuan akan dibuat dalam bulan Mei 2020 selepas semakan silang dilakukan berdasarkan maklumat daripada 10 agensi Kerajaan yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kewangan Malaysia sehingga 17 April 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada 8.3 juta penerima isi rumah dan bujang yang layak dengan jumlah bantuan sebanyak RM5.63 bilion. Kerajaan juga menjangkakan hampir 3 juta isi rumah dan bujang akan turut menerima manfaat BPN setelah permohonan baharu dan rayuan BPN diproses.

## GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)

Selepas kejayaan pelaksanaan Bantuan Prihatin Nasional, LHDNM terus diberikan amanah dan tanggungjawab bagi pelaksanaan Geran Khas Prihatin (GKP) susulan pengumuman Pakej Prihatin PKS (Tambahan) oleh YAB Perdana Menteri pada 6 April 2020.

Geran Khas Prihatin berjumlah RM2.1 billion ini disediakan khusus untuk membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro menangani impak kewangan akibat COVID-19. Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, "melalui inisiatif itu, kerajaan akan menyediakan Geran Khas sebanyak RM3,000 untuk setiap syarikat mikro, yang akan memanfaatkan hampir 700,000 PKS mikro di seluruh negara".

Perlaksanaan satu lagi bantuan kerajaan kepada rakyat ini adalah di bawah seliaan dan pemantauan Unit Pelaksanaan Dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan Malaysia. Di LHDNM, Jabatan Operasi Cukai dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Kewangan telah bertungkus lumus membuat persediaan dan ujian bagi memastikan Portal Geran Khas Prihatin berjalan dengan lancar walaupun pembangunan terpaksa dibuat dalam tempoh yang singkat. Jabatan Khidmat Korporat (*Hasil Care Line*) pula terlibat untuk menguruskan talian panggilan bagi memberikan panduan dan bantuan kepada pemohon GKP.

Permohonan GKP dibuka mulai 1 Mei 2020 oleh Menteri Kewangan, YB Senator Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz di Majlis Pelancaran Portal Geran Khas Prihatin anjuran LHDNM di Menara Hasil, Bangi, Selangor. Pasukan khas LHDNM sentiasa melakukan pemantauan dan penambahbaikan bagi memastikan ianya boleh diakses oleh mereka yang berkelayakan. Prosedur dan proses permohonan GKP hanya boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal GKP di capaian <https://gkp.hasil.gov.my> yang dibuka sehingga 15 Mei 2020. Pemohonan yang diluluskan akan menerima bantuan mulai 1 Jun 2020.

# TAKLIMAT LHDNM BERSAMA SOCIAL MEDIA INFLUENCER

Oleh : Elia Nadira Zainudin

Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat (JKK) dengan kerjasama Bahagian Ekonomi Digital, Jabatan Pematuhan Cukai (BPC), Pejabat Pengarah Negeri (PPN) Selangor, Cawangan Petaling Jaya dan Sushivid Sdn. Bhd. telah menganjurkan Taklimat Percukaian – **“TAX FILING AMONG SOCIAL MEDIA INFLUENCERS”** #tanggungjawab pada 7 Mac 2020 di Dewan Sri Intan, Menara Hasil Petaling Jaya.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Hishamudin Mohamed, Pengarah JKK dengan penyertaan seramai 70 orang peserta terdiri daripada *Social Media Influencers* yang berdaftar di bawah Sushivid Sdn. Bhd. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Khairul Anuar (wakil JPC) dan Encik Marimuthu Subramaniam (wakil Cawangan Petaling Jaya).

Tujuan taklimat diadakan adalah seperti berikut:

- ✓ Menjalinkan kerjasama bersama pihak ketiga kursusnya bersama *Influencer*
- ✓ Memberi kesedaran mengenai kepentingan cukai terhadap pembangunan negara
- ✓ Membincangkan isu-isu percukaian dari segi perspektif *Influencer*
- ✓ Pendaftaran fail cukai (e-daftar)
- ✓ Bengkel dan penerangan pengisian *e-Filing* untuk Cukai Perniagaan (e-B) dengan cara yang betul.

Program dan kolaborasi seumpama ini dijangka akan diteruskan di masa-masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai peserta agar dapat memberi pendedahan serta pengetahuan yang lebih jelas berkaitan percukaian.





## Dokumen

Jangan sesekali menggunakan aplikasi percuma untuk menghantar dokumen rasmi



## Waspada

Berhati-hati dengan ancaman siber.  
Mematuhi arahan keselamatan ICT



## Masa

Pilih masa yang paling produktif  
untuk bekerja



## Wi-fi

Jangan menggunakan wi-fi awam untuk melaksanakan tugas rasmi



## Pendua

Sentiasa membuat pendua data (data backup) terutama apabila kerja di rumah



## Kata Laluan

Pastikan semua kata laluan dikemaskini dan disahkan selamat



## Jadual

Sentiasa susun jadual kerja anda.  
Patuhi arahan tugas yang telah ditetapkan



## Lapor

Jika terdapat pencerobohan dan gangguan sistem sila hubungi JTM dengan segera



## TIP

# SEKIRANYA ANDA KERJA DARI RUMAH

Sumber: CyberSecurity Malaysia



## PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH BIL.1/2020

Oleh : Ahmad Hilmi Mohd Noor

Persidangan Pengarah - Pengarah (PPP) Bil.1/2020 telah diadakan dengan jayanya pada 13 hingga 15 Januari 2020 di The Wembley-A St. Giles Hotel, Pulau Pinang. Persidangan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPE LHDNM), Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan 227 pegawai yang terdiri daripada semua Pengarah Jabatan/Negeri/Bahagian/Cawangan/Cawangan Siasatan serta wakil kesatuan dan persatuan LHDNM.

Persidangan ini yang dianjurkan dua (2) kali setahun merupakan platform kepada Pengurusan Tertinggi LHDNM untuk menyampaikan strategi-strategi baharu bagi memantapkan aktiviti dan operasi teras percukaian di samping menyampaikan amanat dan sasaran kutipan cukai bagi tahun 2020. Selain itu, persidangan ini dijadikan sebagai platform terbaik bagi meningkatkan lagi kualiti, kecekapan, kepakaran dan keberkesanan strategi kutipan, pematuhan dan perundangan terutama dalam mendepani isu-isu percukaian semasa.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia. YB Menteri Kewangan turut melancarkan Tema LHDNM 2020 iaitu "*Strive Beyond Boundaries*" dan Pelancaran IRBM *Taxpayer Roadmap* yang merupakan panduan kepada pembayar cukai mengenai proses perundangan, audit, rayuan, tindakan pemungutan dan litigasi sebagai salah satu kaedah pendidikan cukai bagi membantu tahap pematuhan cukai secara optimum.

YBhg. Dato' Sri Sabin bin Samitah juga telah menyampaikan amanat tahun baharu dan hala tuju LHDNM bagi tahun 2020 kepada semua peserta persidangan sebagai pembakar semangat dan menjelaskan hala tuju LHDNM bagi tahun 2020 kepada semua peserta persidangan.

Pelbagai aktiviti dan sesi pembentangan telah dilaksanakan dalam persidangan ini bermula dengan Sesi Pembentangan Strategi Jabatan 2020. Para pengarah jabatan telah membentangkan strategi-strategi mengikut jabatan masing-masing sebagai persediaan dan panduan yang harus dilaksanakan kelak di peringkat operasi cawangan dan negeri. Peserta persidangan juga telah mengikuti aktiviti Bengkel Keupayaan Melangkaui Sempadan LHDNM 2020, sebagai medium sumbang saran bagi menggarap idea dan cadangan untuk mengatasi sebarang permasalahan di peringkat pengurusan dan operasi cawangan yang sering wujud di LHDNM.

LHDNM juga turut menjemput Encik Lau Seng Yee (SY Lau), *Senior Executive Vice President* Tencent bagi Sesi *Sharing of Best Practices* dan Encik Hishamudin bin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat telah bertindak selaku moderator.





*Pembentangan kumpulan bagi aktiviti bengkel*



Encik SY Lau telah berkongsi rahsia kejayaan beliau dan organisasi Tencent yang merupakan salah satu firma yang paling pantas berkembang seiring teknologi masa kini. Pada masa yang sama, beliau turut menyentuh budaya berprestasi tinggi yang diterapkan dalam organisasi beliau. Sesi ini telah membuka minda para peserta dalam mengenal pasti amalan terbaik untuk penambahbaikan pengurusan dan budaya kerja dalam mendepani cabaran persekitaran teknologi tanpa batasan ke arah sebagai pentadbir cukai terulung bagi pembangunan negara.

Semoga pengajuran PPP Bil.1/2020 ini diharap dapat memberikan manfaat kepada semua peserta persidangan dan seterusnya dapat disampaikan kepada pegawai-pegawai di Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan dalam usaha LHDNM mencapai matlamat bagi tahun 2020.







## PROGRAM RETREAT BERSAMA ANGGOTA LEMBAGA

Oleh : Seksyen Sekretariat Lembaga

Program *Retreat* Bersama Anggota Lembaga (RBAL) merupakan program tahunan anjuran Seksyen Sekretariat Lembaga, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif bermula tahun 2013. Ia dianjurkan dengan kerjasama Jabatan, Pejabat Pengarah Negeri dan Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang berkenaan.

Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan satu platform perkongsian maklumat kepada semua peserta khususnya Anggota Lembaga Pengarah LHDNM mengenai strategi dan perancangan LHDNM. Anggota Lembaga Pengarah LHDNM juga berpeluang untuk memberikan idea-idea bagi menambah baik strategi sedia ada sebagai usaha untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan cukai bagi mempertingkatkan pencapaian LHDNM.

RBAL 2020 telah diadakan dengan jayanya pada 8 Februari 2020 di Hotel The Westin Resort & Spa, Langkawi. Program ini telah dihadiri oleh 64 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Pengarah LHDNM, Pengurusan Tertinggi LHDNM, Ahli Mesyuarat Pengurusan Atasan (MPA) dan jemputan lain.

Program ini dimulakan dengan sesi *Executive Talk* oleh YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

Agenda utama RBAL 2020 telah diteruskan dengan sesi pembentangan yang terdiri daripada topik berikut:

- i. *Overview* oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM;
- ii. Menangani Ekonomi Bayangan oleh YBrs. Encik Che Muhammad Sukri Bin Che Hussin, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai;
- iii. *Taxation of the Digital Economy & OECD's Two-Pillar Approach* oleh YBrs. Encik Shaharrudy Bin Othman, Pengarah Jabatan Percukaian Antarabangsa;
- iv. Pendidikan dan Kesedaran Cukai oleh YBrs. Encik Hishamudin Bin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat;
- v. Mata Wang Kripto oleh YBrs. Encik Mohd Shahfizan Bin Md Salleh, Pengarah Jabatan Operasi Khas;
- vi. Transformasi Hasil oleh YBrs. Puan Jalina Binti Abu Bakar, Pengarah Bahagian Pembangunan, Penyenggaraan & Pemantauan Sistem, Jabatan Teknologi Maklumat, LHDNM;
- vii. Kemampuan Kewangan LHDNM Bagi Tahun 2020-2024 oleh YBrs. Encik Mohammad Nazri Bin Ismail, Pengarah Jabatan Kewangan, LHDNM.



RBAL 2020 telah diakhiri dengan majlis makan malam yang bertemakan 'Andaman Night'. Acara makan malam ini dapat memberi peluang kepada Anggota Lembaga Pengarah LHDNM dan semua peserta untuk lebih mengenali satu sama lain dalam suasana santai.



*Sekitar Program Retreat Bersama Anggota Lembaga*



*Barisan Anggota Lembaga Pengarah LHDNM dan Peserta Program*



## PROGRAM KONVENSYEN PEMATUHAN 2020 ANJURAN JABATAN PEMATUHAN CUKAI

Oleh : **Khairiliana Shamsul Khairil**

Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) merupakan sebuah jabatan yang memainkan peranan penting dalam menyelia aktiviti audit di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Pada tahun 2019, LHDNM telah melalui beberapa penajaran semula proses pengauditan agar selari dengan *dasar government of the day*. Contohnya, Pegawai Audit Luar/Audit Majikan dikehendaki membuat semakan audit dengan menggunakan sumber/maklumat dalam terlebih dahulu. Sekiranya terdapat keperluan berserta dengan kelulusan Pengarah Cawangan, barulah lawatan audit boleh dilakukan. Dasar pengauditan kini juga lebih fokus kepada pengauditan bagi tahun semasa.

Selaras dengan itu, Konvensyen Pematuhan 2020 telah diadakan pada 11 hingga 13 Februari 2020 di Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan. Konvensyen ini telah dihadiri 259 orang pegawai LHDNM yang terdiri daripada Pengurus Audit, Ketua Unit, Pegawai Audit Luar, Audit Meja dan Audit Majikan dari cawangan seluruh Malaysia. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM. Konvensyen ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Abdul Manap bin Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDNM.

Konvensyen ini diadakan bertujuan untuk memberi penjelasan berkenaan program pematuhan dan gerak kerja strategi audit bagi tahun 2020. Menerusi konvensyen ini juga, 'Hala Tuju dan Perancangan JPC bagi Tahun 2020' dibentangkan untuk memastikan pelaksanaan strategi audit boleh dicapai seperti yang disasarkan.

Di konvensyen ini juga, terdapat slot oleh jabatan lain untuk memberikan penerangan yang lebih terperinci kepada pegawai audit berhubung arahan dan prosedur kerja yang terkini.

Selain itu, dalam konvensyen ini turut diadakan sesi pembentangan kes oleh cawangan yang terpilih. Sesi ini dilihat telah berjaya sebagai satu platform bagi perkongsian ilmu dengan peserta konvensyen dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran pengauditan dan kompetensi dalam kalangan pegawai audit. Peserta konvensyen juga dapat membincangkan



permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan aktiviti audit di cawangan bersama pihak pengurusan dan mengenal pasti resolusi yang terbaik bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Dalam konvensyen in, JPC telah menjemput seorang pegawai dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis Diraja Malaysia untuk memberi pendedahan kepada peserta konvensyen berhubung aktiviti *shadow economy* dan *underground economy*.

Secara keseluruhan, peserta konvensyen telah melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembentangan dan perbincangan yang diadakan. Hasil perbincangan serta pandangan daripada peserta telah berjaya dikumpul dan direkodkan bagi penambahbaikan proses kerja audit untuk dijadikan rujukan di masa akan datang.



*Sekitar Majlis Perasmian dan Sesi Dialog Konvensyen Pematuhan 2020*



Teruskan Menyumbang  
kepada **NEGARA**  
Walaupun Dari **RUMAH**

**ByrHASiL**



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT



Peserta Konvensyen Tadbir Urus Cemerlang LHDNM 2020

## KONVENSYEN TADBIR URUS CEMERLANG LHDNM 2020

Oleh : Jabatan Audit Dalam

Bertemakan “Kecemerlangan Tadbir Urus Menerajui Transformasi”, LHDNM telah menganjurkan Konvensyen Tadbir Urus Cemerlang (KTUC) bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya pada 16 hingga 18 Februari 2020. Konvensyen ini merupakan salah satu inisiatif LHDNM dalam melaksanakan program kesedaran mengenai *Governance-Risk-Control (GRC)* secara berterusan di samping memartabatkan prinsip asas penting tadbir urus terbaik iaitu *Accountability, Responsive* dan *Responsibility* dalam kalangan Hasilian.

Konvensyen ini mendapat sokongan penuh YBhg. Dato’ Sri Dr. Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM kerana sudi meluangkan masa merasmikan KTUC 2020. Majlis *Light And Easy* bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LHDNM iaitu YBrs. Encik Mohammed Noor Bin Ahmad juga turut diadakan pada hari kedua konvensyen.

Konvensyen yang julung kali diadakan ini telah dianjurkan oleh Jabatan Audit Dalam dan dihadiri oleh 90 orang peserta terdiri daripada semua *Admin Care Officers (ACO)* dan Penyelaras ICT dari seluruh Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan LHDNM selaku kumpulan pelaksana LHDNM. Penganjuran konvensyen ini bertujuan untuk mengenal pasti punca masalah (*root cause*) bagi sesuatu penemuan audit dan masalah yang dihadapi oleh Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan dalam mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Selain itu, konvensyen ini menjadi forum untuk menimba dan berkongsi

ilmu serta menjana cetusan idea melalui interaksi dan perkongsian idea-idea inovatif secara langsung dengan ACO dan Penyelaras ICT dalam memperkasakan tadbir urus cemerlang di LHDNM.

Perkongsian pemerhatian audit berisiko bagi Audit Kewangan, Audit Pengurusan dan Audit ICT di LHDNM telah disampaikan oleh fasilitator Jabatan Audit Dalam secara berkomunikasi dua (2) hala melalui tiga (3) sesi *Moments of Sharing*. Sesi ini merupakan satu platform khas bagi membolehkan para peserta mengajukan pertanyaan atau memberikan maklum balas secara dalam talian iaitu melalui aplikasi *Pigeon Hole* yang dibuka sepanjang sesi *Moments of Sharing* dijalankan.

Ceramah bertajuk Tadbir Urus Modal Insan – Audit Diri turut diadakan pada hari terakhir konvensyen bagi memastikan tadbir urus korporat dan tadbir urus modal insan bergerak seiringan. Penceramah terkenal iaitu YBhg. Prof Madya Ustaz Dato’ Dr. Hj. Mohd Izhar Ariff Bin Mohd Kashim telah dijemput untuk berkongsi ilmu duniawi serta ukhrawi dengan peserta konvensyen.

Diharapkan agar semua peserta konvensyen dapat memanfaatkan sebaiknya ilmu yang diperolehi serta menjadi pemangkin yang efektif dalam mempromosikan budaya audit sendiri kepada semua Hasilian dalam memastikan tahap pematuhan yang tinggi kepada pekeliling, garis panduan, arahan dan surat arahan yang berkuat kuasa. Semoga tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman LHDNM melangkaui kecemerlangan yang luar biasa sejajar tema LHDNM Tahun 2020 iaitu *strive beyond boundaries*.



Majlis Perasmian Konvensyen Tadbir Urus Cemerlang LHDNM 2020 oleh Ybhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM



Paluan Gong oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM sebagai simbolik perasmian Konvensyen Tadbir Urus Cemerlang LHDNM 2020



*Sesi Ramah Mesra Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM bersama peserta KTUC LHDNM 2020*



*Sesi Moments Of Sharing oleh Fasilitator JAD En. Aziram Mohd Noor, En. Mohd Azizi Abd Rahman dan En. Zaini Azlin bin Zainuddin*



*Sesi Ice Breaking KTUC LHDNM 2020 'Role The Dice Break The Ice'*



*Penampilan Istimewa YBhg. Prof Madya Ustaz Dato' Dr. Hj. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim*



*Majlis Light & Easy With Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) YBRS. En. Mohammed Noor bin Ahmad*



*Sesi Penutup KTUC LHDNM 2020*

# MAJLIS APRESIASI MEDIA 2020 - LHDNM DAN MEDIA BERPISAH TIADA

Disediakan oleh : Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Peranan agensi media diakui banyak membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam meningkatkan kesedaran cukai dan menjalankan fungsinya sebagai agensi kutipan cukai langsung negara. Sehubungan itu, bagi menghargai jasa dan hubungan erat agensi-agensi media ini, LHDNM telah menganjurkan Majlis Apresiasi Media pada 18 Februari 2020 di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur yang turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM.

Majlis apresiasi yang berkonsep santai ini telah mendapat sambutan hangat di mana hampir 200 orang pengamal media yang terdiri daripada ketua-ketua agensi, ketua editor dan wartawan termasuk media dalam talian telah hadir. Inisiatif ini diadakan istimewa buat rakan-rakan media di Malaysia sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas sokongan yang mereka berikan selama ini khususnya sepanjang tahun 2019 melalui laporan berita serta publisiti-publisiti yang diterbitkan khas untuk LHDNM.

Hubungan akrab yang terjalin antara LHDNM dan pengamal media sememangnya tidak dapat disangkal apabila dalam tempoh satu tahun iaitu 1 Januari sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 12,746 laporan berkaitan LHDNM telah dipaparkan oleh mereka merangkumi 8,408 dalam media cetak, 862 media elektronik dan 3,476 media *online*. Keseluruhan jumlah laporan ini membuktikan bahawa penglibatan media amat penting dalam menyebarkan maklumat percukaian negara

kepada rakyat dan seterusnya dapat memastikan pendedahan serta pendidikan awal berhubung percukaian negara dapat diterapkan kepada rakyat dengan lebih berkesan.

Selain itu, menurut Ybgh. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah, liputan media yang positif dan meluas turut dapat mengukuhkan jenama LHDNM dan membuka mata rakyat tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh LHDNM. Melalui hubungan akrab dengan agensi media juga akan membolehkan proses engagement LHDNM bersama rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan barisan pengurusan atasan LHDNM. Sambil dijamu dengan menu berkonsepkan *hi-tea*, para media yang diraikan turut dihidangkan dengan persembahan nyanyian, cabutan bertuah serta kuiz berbentuk KAHOOT yang menguji pengetahuan mereka berkaitan LHDNM dan cukai pendapatan di Malaysia.

Majlis apresiasi yang dianjurkan secara tahunan ini berakhir sekitar pukul 5.15 petang dengan sesi fotografi beramai-ramai. Jelas terpancar di wajah masing-masing satu kepuasan dan mengharapakan majlis ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan. Apa yang pasti, majlis apresiasi ini telah mencapai satu dimensi baharu di mana satu hubungan erat umpama sahabat karib di antara LHDNM dan agensi media telah dinaik taraf kepada hubungan umpama satu keluarga yang saling memerlukan.



YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bersama-sama jemputan Majlis Apresiasi Media 2020



*Sekitar Majlis Apresiasi Media 2020 – LHDNM dan Media Berpisah Tiada*

# Anugerah MALAM GALA HASIL 2020

## MALAM GALA LHDNM 2020 14 FEBRUARI 2020

Oleh: Farah Afiqah Nordin,  
Setiausaha Malam Hasil Gala 2020

Majlis 'Hasil Gala 2020' merupakan majlis makan malam khas yang diadakan bagi meraikan usaha serta komitmen warga Hasilian terhadap kejayaan LHDNM. Pada majlis ini, anugerah telah diberikan kepada pegawai-pegawai yang mencapai prestasi luar biasa di peringkat Jabatan/Negeri dan Cawangan serta telah menyumbang kepada rekod baharu LHDNM dengan kutipan cukai berjumlah RM145.057 billion iaitu RM8.023 billion lebih tinggi berbanding pencapaian tahun 2018. Hasil Gala 2020 juga bertujuan memberikan semangat kepada pegawai untuk terus berusaha dalam menyumbang kepada prestasi LHDNM.

Majlis 'Hasil Gala 2020' yang bertemakan *The Prestigious Platinum Award 2020* telah diadakan di Hotel Grand Hyatt Kuala Lumpur pada 14 Februari 2020. Hasil Gala 2020 telah dipengerusikan oleh Encik Abu Tariq bin Jamaluddin, Pengarah Jabatan Undang-undang. Majlis dihadiri oleh tetamu-tetamu kehormat iaitu YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah selaku Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM bersama-sama isteri beliau YBhg. Datin Sri Adreen Aderizza Mohamad Soffi; YBhg. Datuk Noor Azian Abdul Hamid selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dasar; YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi Percukaian; YBhg. Dato' Abd. Manap Dim selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pematuhan dan YBrs. Encik Mohammed Noor Ahmad selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan.



Kehadiran Tetamu-Tetamu Kehormat



Ucapan Khas oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah

Malam Gala Hasil "The Prestigious Platinum Award 2020" telah mengiktiraf 12 anugerah berprestij kepada Hasilian bagi memberi penghargaan atas kecemerlangan prestasi yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2019. Anugerah-anugerah yang disampaikan adalah seperti berikut:

Bil	Anugerah	Penerima Anugerah
1.	Anugerah Platinum Peguam Hasil Terbaik 2019	Encik Mohd Harris Hanapi
2.	Anugerah Platinum Resolusi IT 2019	Puan Norshahidah Lateh (Bahagian Aplikasi Automasi Pejabat)
3.	Anugerah Platinum Pengurusan Cemerlang 2019	Puan Nazima Yaakob (PPN Selangor)
4.	Anugerah Platinum Risiko dan Profiling Berprestij 2019	Encik Mohd Fakhran Arzmi
5.	Anugerah Platinum Kutipan Tertinggi 2019	Puan Lam Joo Yee (Cawangan Duta Perniagaan)
6.	Anugerah Platinum Peningkatan Hasil 2019	Puan Hilwa Mohd Abd Kahar (Cawangan Muar)
7.	Anugerah Platinum Audit Terbaik 2019	Encik Abdul Halim Abdul Rahman (Cawangan Sg Petani)
8.	Anugerah Platinum Audit Paling Berharga 2019	Encik Md Syazwan Idris Rafiq (Cawangan Industri Khas)
9.	Anugerah Platinum Siasatan Terbaik 2019	Encik Mohd Faiz Safii (CSi Kuala Lumpur)
10.	Anugerah Platinum Kewangan Terbaik 2019	Encik Mohd Jeffry Abdul Rahman
11.	Anugerah Platinum Pensyarah Terbaik 2019	Puan Zuriahati Zainal (Pusat Latihan Akaun dan Audit)
12.	Anugerah Platinum Hasil Terbaik 2019	Encik Md Syazwan Idris Rafiq (Cawangan Industri Khas)

Buat julung kalinya lima (5) Anugerah-Anugerah Khas telah diperkenalkan pada Malam Gala Hasil "The Prestigious Platinum Award 2020". Anugerah Khas pertama adalah **THE IRIDIUM RED BERYL AWARD** yang telah dianugerahkan kepada YBrs. Encik Mohamed Noor Ahmad selaku TKPE Pengurusan atas kecemerlangan dan kepimpinan luar biasa beliau dalam bidang pengurusan sumber manusia di LHDNM. Nama IRIDIUM merupakan salah satu nama daripada kumpulan platinum yang mempunyai elemen ketahanan luar biasa. Ia juga memaparkan kebijaksanaan dalam kepimpinan yang telah memberikan perbezaan yang signifikan kepada organisasi selaras dengan amalan terbaik pentadbir percukaian seluruh dunia.

Anugerah Khas kedua adalah **THE GOLD JADEITE IMPERIAL AWARD** yang telah dianugerahkan kepada YBhg. Dato' Abdul Manap Dim selaku TKPE Pematuhan sebagai pengiktirafan kecemerlangan dan kepimpinan luar biasa beliau dalam bidang pematuhan cukai di LHDNM. Nama JADEITE diambil sempena permata jed yang mempunyai ciri-ciri kualiti, kekuatan dan ketahanan semulajadi sumber mineral paling berharga ini. Anugerah ini juga memaparkan Kepakaran dalam *Thought Leadership, Results Leadership, People Leadership dan Personal Leadership*.

Anugerah Khas ketiga adalah **THE RHODIUM BLUE DIAMOND AWARD** yang telah dianugerahkan kepada YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi selaku TKPE Operasi Percukaian sebagai pengiktirafan kecemerlangan dan kepimpinan luar biasa beliau dalam lapangan operasi percukaian LHDNM. Nama RHODIUM diambil daripada "platinum's family" yang merupakan sumber mineral yang paling sukar diperolehi. Manakala *Blue Diamond* merupakan permata yang paling mahal di dunia. Gabungan kedua-dua elemen ini menggambarkan ciri-ciri kualiti kepimpinan, kekuatan dan pemikiran kritikal dalam menjana cara baharu ke arah mengoptimalkan setiap peluang serta cabaran yang muncul dalam persekitaran organisasi.

Anugerah Khas keempat adalah **THE RUTHENIUM ALEXANDRITE AWARD** yang telah dianugerahkan kepada YBhg. Datuk Noor Azian Abdul Hamid selaku TKPE Dasar sebagai pengiktirafan kecemerlangan dan kepimpinan luar biasa beliau dalam memperkasakan pematapan dasar, polisi dan perundangan percukaian LHDNM setaraf dengan badan-badan pentadbir percukaian antarabangsa. Nama RUTHENIUM merupakan salah satu nama dari keluarga Platinum yang menampilkan ciri-kiri kekuatan dan sukar diperolehi. Anugerah ini juga menggambarkan kepakaran dalam *Thought Leadership, Results Leadership, People Leadership dan Personal Leadership*.

Anugerah Khas paling berprestij serta yang terakhir disampaikan adalah **THE PLATINUM MUSGRAVITE AWARD** yang telah dianugerahkan kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah selaku Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM. Anugerah ini disediakan khas buat pemacu utama kepimpinan barisan Pengurusan Tertinggi LHDNM yang telah berjaya membawa kecemerlangan organisasi ini ke peringkat tertinggi. Komitmen dan kecemerlangan personaliti serta kepimpinan beliau telah memacu LHDNM ke arah organisasi berprestasi tinggi. Model kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh beliau bukan sahaja telah berjaya mengemudi organisasi ini dengan cemerlang, bahkan menjadikan LHDNM sebagai penanda aras dan ikutan oleh agensi-agensi terkemuka dalam dan luar negara.

Selain penyampaian Anugerah-Anugerah, hadirin Malam Hasil Gala 2020 juga dihiburkan dengan kehadiran artis-artis jemputan iaitu Anuar Zain dan juga Ruffedge.



YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Platinum Hasil Terbaik 2019



En. Abu Tariq bin Jamaluddin menyampaikan **THE PLATINUM MUSGRAVITE AWARD** kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah



Persembahan Pembukaan oleh Artis Berkumpulan 'Ruffedge'



Persembahan Khas daripada Anuar Zain



## KARNIVAL SUKAN HASIL 2020 JOHOR BAHRU

Oleh: Supa'at Othman

Karnival Sukan Hasil 2020 Johor Bahru telah berlangsung dengan gilang gemilang pada 31 Januari 2020 hingga 4 Februari 2020 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Sukan dwi tahunan ini, telah dikelolakan oleh Pejabat Pengarah Negeri Johor, dengan kehadiran 1,400 peserta terdiri dari atlet dan pegawai yang mewakili 4 zon iaitu Zon Utara (Negeri Kedah, Perlis, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang, Perak & Sabah), Zon Selatan (Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang & Sarawak), Zon Tengah (Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya & Kuala Lumpur) dan Zon Cyber (Semua Jabatan di bawah Ibu Pejabat, Akademi Percubaan Bangi & Cawangan Bangi) dan diketuai oleh *Chef-de-Mission* Pasukan masing-masing iaitu Encik Mohamad Zain Mohamad Said (Selatan), Encik Suhaili Sudin (Cyber), Encik Lim Kien Thai (Tengah) & Encik Kamarudin Hashim (Utara).

Majlis Perasmian disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada 31 Januari 2020 bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM. Turut hadir YBhg Dato' Abdul Manap Dim Pengerusi Majlis Kebajikan Dan Sukan Hasil Dalam Negeri Malaysia, YBrs Encik Md Kamal Johan Pengarah Negeri Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar Naib Cancellor UTM dan YBrs Encik Mohd Gadaffie Abd Aziz Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor. Semasa ucapan perasmian, YBhg Dato' Sri Dr. Sabin Samitah mengucapkan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa pengelola yang bertungkus lumus menjayakan karnival sukan ini, penghargaan juga kepada YBhg Prof Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, di atas kerjasama menggunakan kemudahan sukan dan penginapan di sekitar universiti dan penghargaan juga kepada YBrs Encik Mohd Gadaffie Abd Aziz di atas sokongan teknikal Majlis Sukan Negeri Johor. Tambahnya, aktiviti sukan merupakan medium penting kepada organisasi kerana ia dapat menjamin kecergasan fizikal dan minda disamping dapat menerapkan nilai perpaduan dalam kalangan Hasilian. Manakala semangat persaingan dalam sukan boleh membentuk modal insan holistik, berdaya saing akhirnya dapat melestarikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebagai organisasi berprestasi tinggi.



Menyemarakkan karnival Sukan Hasil 2020 Johor Bahru, Bacaan Ikrar Sukan diketuai oleh Cik Rahilah Othman dari Cawangan Johor Bahru merupakan mantan atlet Kebangsaan bagi acara Lempar Cakra & Lontar Peluru Sukan SEA.

Sepanjang karnival sukan berlangsung 24 acara sukan berpasukan di pertandingan dan keputusan adalah Badminton (Utara), Basikal (Selatan), Bola Jaring (Cyber), Bola Keranjang Lelaki (Selatan), Bola Keranjang Wanita (Utara), Bola Sepak (Cyber), Bola Tampar Lelaki (Utara), Bola Tampar Wanita (Utara), Boling Tenpin Lelaki (Tengah), Boling Tenpin Wanita (Cyber), Catur (Cyber), Dart (Tengah), Futsal Lelaki (Tengah), Futsal Wanita (Cyber), Futsal Veteran (Utara), Golf (Cyber), Hoki (Cyber), Karom (Tengah), Olahraga (Tengah), Ping Pong (Utara), Tenis (Tengah), Boling Padang Lelaki (Utara) dan Boling Padang Wanita (Tengah). Zon Cyber yang mengungguli 8 acara dan mengumpul kiraan mata tertinggi telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dan Zon Tengah sebagai Naib Juara. Pihak Pengurusan dan Pegawai Tertinggi LHDNM turut mengambil bahagian dalam acara Olahraga khas VIP turut disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif di Stadium Azman Hashim, UTM. Manakala bagi acara Boling Tenpin di Gelanggang Boling Tenpin Leisure Mall, Taman Pelangi.

Panel Juri Sukan Hasil 2020 Johor Bahru juga menyenaraikan keputusan anugerah khas iaitu, Peserta Harapan Lelaki (Muhammad Amirul Amin Abdul Manan - Cyber), Peserta Harapan Wanita (Stephane Jan Henry - Utara), Peserta Terbaik Lelaki (Lionel Leong - Tengah), Peserta Terbaik Wanita (Nur Zana Syakila Abd Rashid), Peserta Veteran Lelaki Terbaik (Nor Azman Sharif - Cyber), Peserta Veteran Wanita Terbaik (Hasnah Pie - Tengah), Semangat Kesukanan (Selatan), Perbarisan Terbaik (Utara) dan Pembawa Placard Terbaik (Tengah).

Sempena Sukan Hasil 2020 Johor Bahru, Pertandingan Bintang Hasil turut dianjurkan. 8 peserta mewakili zon masing-masing telah diadakan pada 3 Februari 2020 bertempat di Hotel Impiana, Johor Bahru. Wakil Zon Cyber, Muhamad Rais bin Muhamad Nordin dari Jabatan Logistik Korporat, Ibu Pejabat telah dinobatkan sebagai juara dan bakal mewakili LHDNM ke Pertandingan Bintang Kewangan akan datang. Majlis Penutup disempurnakan oleh YBhg Dato' Abdul Manap Dim Pengerusi Majlis Kebajikan Dan Sukan Hasil Dalam Negeri Malaysia serta turut menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan kepada setiap pasukan yang bertanding. Semasa ucapan penutup, beliau merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa Pengelola kerana dapat menganjurkan karnival dengan lancar dan ia akan dapat dicontohi kepada pengelola masa hadapan. Seterusnya, YBhg Dato' turut menyaksikan upacara penyerahan bendera Kejohanan kepada YBrs Encik Lim Kien Thai, Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu pengelola Sukan Hasil 2022 Putrajaya.



# INPUT KLINIK CUKAI LHDNM DI BERNAMA RADIO

# Klinik Cukai

**BERSIARAN  
SETIAP HARI  
KHAMIS**

**JAM  
9.15 PAGI**

**TETAMU**

*Customer Care Officer  
(CCO) sekitar Lembah Klang*

**TUJUAN**

Platform kepada LHDNM untuk berkongsi ilmu percukaian dengan pendengar.

**KONSEP**

Interaksi dua hala antara LHDNM dan pendengar. Soalan diajukan menerusi panggilan telefon atau laman Facebook Bernama Radio.

**PURATA BIL. SLOT**

**13**

**2**

**SLOT  
SETIAP  
TAHUN**

**+**

**SLOT TAMBAHAN  
MULAI TAHUN 2019**

berikutan sambutan menggalakkan diterima dengan peningkatan jumlah pendengar dan penonton FB Live bagi program ini.

**TOPIK**

Dipilih berdasarkan jumlah pertanyaan yang tinggi daripada pembayar cukai kepada LHDNM.



Sebagai permulaan lembaran edisi pertama 2020, sisipan pembuka Hasilian Hebat menampilkan Hasilian yang telah mengharumkan nama LHDNM apabila beliau dinobatkan sebagai penerima Pingat Emas BasNet Doktor Falsafah sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-43 bagi Sesi Akademik 2018/2019. Dr. Muhammad Najib bin Samad, pegawai Bahagian Penyelidikan Dasar Percukaian, Jabatan Penyelidikan Percukaian yang merupakan lepasan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Ekonomi Perniagaan; berjaya menarik perhatian juri menerusi tesis beliau bertajuk *“Impact of Different Tax Components, Tax Buoyancy and Tax Mix Structures on Economic Growth and Fiscal Revenues in Malaysia”*.



#### LATAR BELAKANG RINGKAS KERJAYA

Semasa berkongsi dengan sidang redaksi Berita Hasil, sejarah perjalanan awal kerjaya beliau dilihat bermula dengan lancar. Beliau ditawarkan jawatan pembantu akaun sejeurus selepas dua (2) hari tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 1999; dan dilantik menjadi pensyarah program Matrikulasi yang pertama kali dikendalikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sebelum menerima tawaran sebagai eksekutif akaun di salah sebuah anak syarikat Shell yang mengendalikan aktiviti *Shared Service Centre*. “Dari sinilah (Shell), saya mendapat pengalaman yang amat berharga kerana peluang berkursus di Manila, Filipina selama 6 bulan telah membolehkan saya menaiki kapal terbang dan melihat negara luar buat pertama kali. Bekerja di syarikat multinasional seperti Shell, saya didedahkan dengan pelbagai pengalaman dan pengetahuan terutamanya kemahiran berkomunikasi, interpersonal, penguasaan Bahasa Inggeris dan teknologi maklumat.” ujar beliau. Sememangnya, pengalaman ini juga amat membantu dalam kerjaya beliau bersama LHDNM.

“Dilambung Tinggi Menjadi Bintang,  
Jatuh Ke Tanah Menjadi Intan”

Dr. Muhammad Najib Bin Samad, Penerima Pingat Emas Basnet Doktor Falsafah UPM

Susunan : Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa



**HARAPAN/NASIHAT BERGUNA YANG BOLEH DITELADANI OLEH HASILIAN LAIN**

“Apabila sudah memiliki Ijazah kedoktoran bukan bermakna kita mengetahui hampir kesemua perkara. Ilmu yang dipelajari perlulah dikongsi bersama. Kita perlu bersedia untuk menghulurkan bantuan dan memberi pandangan jika diperlukan agar menjadi nilai tambah kepada masyarakat dan negara. Fikirkan sumbangan dalam apa jua bentuk yang boleh diberikan semula terutama kepada organisasi dan sentiasa merendah diri kerana kalau kita dilambung tinggi kita mampu jadi bintang, walau jatuh ke tanah kita masih jadi intan,” ujar beliau sebelum menutup bicara.



**LATAR BELAKANG DAN SYARAT PEMILIHAN ANUGERAH**

Pingat tajaan BaseNET Technology Sdn. Bhd. ini dianugerahkan kepada lepasan Ijazah Kedoktoran yang telah memenuhi kriteria dan disiplin ilmu yang ditetapkan oleh pihak universiti serta kumpulan penaja yang telah dilantik. Pemilihan calon penerima anugerah tertinggi bagi kategori Jurusan PhD Sains Sosial UPM ini dibuat melalui proses temuduga. Antara kriteria utama yang ditetapkan adalah calon telah menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) kertas kerja dalam sistem pangkalan jurnal berindeks *Scopus/The Institute of Scientific Information (ISI)* dan salah satunya di peringkat Q4; dan tesis calon hendaklah memberi impak kepada masyarakat dan industri.



# SABAR HADAPI UJIAN ALLAH

Sumber : JAKIM


UMAT Islam seluruh dunia terutama di negara ini berdepan satu ujian berikutan penularan wabak Covid-19 dan kebanyakan kerajaan di dunia sudah pun melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kuarantin mahupun perintah berkurang sepenuhnya.

Sepanjang tempoh ini juga, ada dalam kalangan umat Islam yang hilang mata pencarian kerana mungkin tidak boleh keluar untuk berniaga atau ada segelintir yang menerima ujian dalam bentuk penyakit apabila disahkan positif virus berkenaan. Pasti, walau apa juga ujian yang melanda kehidupan sepanjang tempoh ini atau mungkin pada masa depan, Allah SWT ingin mengajar kita semua mengenai sesuatu dan setiap apa yang berlaku pasti mempunyai hikmah daripada Yang Esa.

Dalam Surah Al-Mulk, Ayat 2, Allah mengingatkan bahawa setiap manusia pasti diuji untuk melihat kualiti amalan yang dikerjakannya. Firman Allah bermaksud: *“Dialah yang mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya, dan la Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”*

Sesiapa yang ditimpa sesuatu musibah perlu diingatkan supaya bersangka baik dengan Allah, memperbanyakkan doa, berikhtiar, bertawakal dan bersabar. Sebagai manusia yang bergelar hamba, pastinya kita tidak terlepas dalam melakukan kesilapan atau dosa. Namun, Rasulullah SAW mengingatkan kepada kita semua supaya sentiasa bersabar, berusaha mengubati penyakit dan bertawakal selepas segala ikhtiar dilaksanakan.

Setiap kepayahan pasti diiringkan dengan kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Insyirah, ayat 5-6 yang bermaksud: *“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.”*



Walau apa juga ujian yang melanda kehidupan, Allah SWT ingin mengajar kita semua mengenai sesuatu.



Allah mengajarkan hamba-Nya tatacara menangani musibah seperti mana dinyatakan dalam al-Quran bermaksud: *“(laitu) orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan (musibah), mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”* (Surah al-Baqarah: ayat 156)

Dalam ayat al-Quran itu, Allah SWT menggunakan perkataan ‘musibah’ bagi menggambarkan ia boleh jadi ditimpakan kepada orang beriman, namun perkara yang lebih penting ialah untuk mereka kembali mengingati Allah. Ummu Salamah berkata, beliau pernah mendengar Rasulullah bersabda yang menganjurkan doa bagi mereka yang ditimpa musibah. Rasulullah menggunakan perkataan ‘musibah’ dalam doa itu yang mafhumnya: *“Ya Allah, berilah ganjaran terhadap musibah yang menimpaku dan berilah ganti dengan yang lebih baik.”* (Hadis Riwayat Muslim)

Dalam suasana yang kita sama-sama merasainya sekarang, kita tidak boleh saling bersandiwara dengan mempamerkan sikap buruk yang lebih terarah kepada gaya penentangan terhadap apa jua peraturan ditetapkan. Lebih daripada itu, sangat kita kesali kerana masih terdapat segelintir yang memandang ringan setiap peraturan yang diwujudkan yang bermatlamat untuk kesejahteraan dan keselamatan rakyat. Sambil lewa dan enggan untuk mematuhi peraturan dan undang-undang yang digariskan pemerintah menunjukkan yang kita belum berjaya memiliki nilai peribadi seorang Muslim yang sebenar.

Menerusi Surah al-Nisa’, ayat 5 Allah berfirman dengan maksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulallah dan kepada ulu al-amr daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunah) RasulNya-jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”*

Jadi, dalam ketika mana negara sedang ‘bertempur’ dengan serangan wabak penyakit seperti sekarang ini, kita perlu mempamerkan sikap taat kepada negara dan pemimpin dengan mematuhi setiap aturan ditetapkan. Ini sejajar dan selari dengan apa yang diperingatkan Allah menerusi ayat dalam Surah al-Nisa’ itu tadi. Oleh itu, penulis mengingatkan kepada diri sendiri dan pembaca supaya sentiasa berdoa kepada Allah untuk memohon perlindungan, memperkuatkan iman, sentiasa berpandangan baik kepada Allah dalam setiap ketentuan-Nya dan berusaha untuk mencari menawar. Selepas melakukan yang terbaik dengan berusaha, bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Dia adalah pemilik alam ini dan setiap penyakit yang diturunkan pasti diiringi dengan penawarnya.

Muhammad Safi Hassan  
mimbar@hmetro.com.my

Penulis adalah wartawan Harian Metro

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 1 April 2020



# TEKANAN DAN CARA MENGATASINYA

Disediakan oleh : **Jabatan Pengurusan Insan**

## ANDA DAN COVID-19

Wabak COVID-19 memberi impak yang sangat besar bukan sahaja daripada sudut perubatan dan ekonomi dunia, malahan juga kepada psikologi manusia. Perasaan takut dan bimbang terhadap wabak COVID-19 menyumbang kepada perubahan emosi kepada segenap lapisan masyarakat, tidak kira dewasa mahupun kanak-kanak. Mendepani COVID-19 secara sistematik mampu mengurangkan emosi yang negatif dan menguatkan emosi positif.

Setiap kelompok individu akan memberi reaksi yang berbeza dalam isu ini. Golongan yang paling terkesan secara fizikal dan mental dalam berhadapan dengan krisis ini ialah:

- Warga emas;
- Individu yang mempunyai penyakit kronik;
- Kanak-kanak;
- *Frontliners* (Doktor, Jururawat, Pasukan perubatan dan sebagainya); dan
- Individu yang mempunyai masalah berkaitan kesihatan mental (terutamanya kebimbangan).

Simptom tekanan ketika penularan wabak COVID-19 adalah:

- Ketakutan dan kebimbangan terhadap kesihatan diri sendiri dan orang tersayang;
- Perubahan pola makan dan pola tidur;
- Sukar untuk tidur;
- Sukar untuk menumpukan perhatian terhadap sesuatu perkara; dan
- Kesihatan fizikal semakin merosot.

Untuk mengatasi masalah ini, individu yang perlu dibantu terlebih dahulu adalah diri anda sendiri. Jika anda berada dalam keadaan mental yang sihat dan stabil, anda akan dapat membantu ahli keluarga, rakan-rakan dan komuniti dengan lebih baik. Antara perkara yang anda boleh lakukan ialah :-

- Tidak perlu terlampau obses dengan membuat kajian sendiri secara terperinci berkaitan COVID-19. Cukup sekadar menonton dan melihat perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan wabak ini di televisyen atau media sosial. Terlalu fokus kepada isu COVID-19 boleh menyebabkan rasa ketakutan dan kebimbangan yang melampau.
- Jaga diri anda. Selalu mengamalkan teknik pernafasan yang betul, mengamalkan diet yang sihat, bersenam di kawasan rumah, tidur yang secukupnya dan kurangkan merokok.
- Berkomunikasilah dengan orang lain. Berkongsilah perasaan anda bersama orang yang ada percayai dalam membantu menenangkan emosi anda.

## PERANAN IBU BAPA

Anak-anak akan memerhati tingkah laku dan respon ibu bapa terhadap isu COVID-19. Jika ibu-bapa menunjukkan reaksi yang positif dan tenang, mereka dapat menyediakan sokongan sosial yang baik kepada anak-anak, begitu juga sebaliknya. Ibu bapa boleh memberi sokongan kepada anak-anak dengan:-

- Berbual dengan anak-anak berkaitan COVID-19. Berikan maklumat berkaitan secara sahih supaya anak-anak dapat memahami dan mengambil langkah yang baik untuk menanganinya.
- Pastikan anak-anak dalam keadaan kesihatan yang baik dan selamat. Maklumkan kepada mereka bahawa perasaan risau dan tertekan adalah normal pada waktu sekarang, terutamanya kepada anak-anak yang terbiasa dengan aktiviti luar rumah. Tenangkan mereka dengan menyatakan wabak ini akan berakhir sekiranya kita mengikut arahan daripada pihak yang terbabit.
- Kurangkan masa penggunaan media sosial. Banyakkan aktiviti bersama di rumah, seperti memasak bersama-sama, menunaikan solat berjemaah di rumah dan aktiviti senaman beramai-ramai di rumah.

## PERANAN ORANG AWAM

- Ketahui bahawa ahli keluarga dan rakan-rakan berpotensi mengalami tekanan dan kebimbangan akibat wabak COVID-19.
- Mempelajari simptom secara fizikal (keletihan, kemudaratan penyakit sedia ada) dan secara mental (takut, risau, bersalah, berdebar tanpa sebab).
- Beri masa kepada diri anda dan keluarga mahupun orang di persekitaran dalam penerimaan menghadapi terhadap gejala COVID-19.
- Cipta aktiviti yang sihat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti meluangkan masa seoptimum mungkin bersama keluarga tersayang, bersenam dalam kawasan rumah dan membaca buku.
- Minta pertolongan jika anda merasa bimbang atau tertekan dengan persekitaran sepanjang tempoh PKP daripada orang yang anda percaya dan berkeyakinan.

Jabatan Pengurusan Insan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia menyediakan perkhidmatan kaunseling sekiranya anda memerlukan sokongan. Hubungi kaunselor anda melalui aplikasi *WhatsApp* atau e-mel seperti berikut:

Kaunselor	No Telefon	Alamat E-mel	Waktu
Norazimah Ibrahim	012-750 0445	farhankhairani@yahoo.com	Isnin – Jumaat
Mohd Azizan Hassin	013-966 3198	azizanhassin90@gmail.com	(8.00 pagi – 5.00 petang)

# FAHAMI PERBEZAAN EPIDEMIK, ENDEMIK DAN PANDEMIK

Sumber : Astro Awani Online, 12 Mac 2020

Susulan penularan virus Koronavirus (COVID-19) yang semakin membimbangkan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengkategorikan situasi itu sebagai pandemik. Apa itu pandemik? Untuk memahami apakah maksud di sebaliknya terma itu, berikut penjelasan makna di sebaliknya tiga terma yang menggambarkan situasi penularan wabak iaitu pandemik, endemik dan epidemik.

## PANDEMIK

Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Wabak ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat.

Pandemik bermula daripada penularan wabak di peringkat epidemik yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan mampu membunuh ramai orang dalam masa singkat. Selain itu, kita juga perlu memahami sekiranya sesuatu wabak itu berada pada peringkat endemik dan menyerang satu negara misalnya, tetapi berada dalam keadaan terkawal, wabak itu tidak akan dikategorikan sebagai satu pandemik.

Antara pandemik yang pernah berlaku adalah wabak *Antonine*, wabak *Jusne* serta *'The Black Death'* yang dipercayai membunuh puluhan juta orang sekitar abad ke 14. Pada ketika ini, satu-satunya pandemik yang sedang berlaku adalah penyakit HIV/AIDS yang diramalkan mampu mengorbankan sehingga 100 juta orang pada tahun 2025 kelak.

Selain itu, krisis Koronavirus (COVID-19) yang menghantui seluruh negara ketika ini juga telah diklasifikasikan sebagai penularan wabak pandemik oleh WHO.

## ENDEMIK

Endemik merujuk kepada penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu. Ini termasuk penularan wabak dalam skop yang lebih besar seperti melibatkan sebuah negara. Perkara ini juga membawa makna kepunyaan atau berasal daripada sekumpulan manusia di sesuatu tempat tertentu. Penyakit malaria yang menyerang kawasan-kawasan di benua Afrika satu ketika dulu adalah antara endemik yang mengancam dunia. Tiga negara dalam dunia yang merekodkan wabak endemik paling tinggi adalah Republik Congo, Madagascar dan juga Peru. Endemik lain yang tercatat dalam sejarah termasuk penyakit demam kuning dan malaria di Congo; wabak bubonik di Madagascar; dan wabak demam kuning, malaria dan demam denggi di Peru.

## EPIDEMIK

Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), epidemik membawa maksud penyakit berjangkit yang mudah merebak dalam kalangan penduduk sesuatu kawasan pada waktu yang sama. Epidemik juga membawa maksud wabak yang menyerang sekumpulan manusia atau komuniti. Terma ini digunakan sekitar tahun 1600 apabila berlakunya wabak dalam kelompok komuniti membabitkan orang Greek dan istilah itu masih kekal sehingga hari ini. Contoh wabak epidemik yang melanda negara kita ialah serangan virus nipah yang menyerang komuniti di daerah Kinta, Perak pada tahun 1998.



**Endemik**

(En-demik =  
Di dalam = daerah/orang)

Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempatan. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.

**Contoh:**

Denggi adalah penyakit endemik di Malaysia.

**Epidemik**

(Epi-demik =  
Di kalangan = daerah/orang)

Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa dan dilihat jelas dalam komuniti dalam tempoh masa tertentu. Ia juga dikenali sebagai "wabak". Sebagai contoh, jangkitan demam kepialu pada 2 kes yang saling berkait rapat dianggap wabak/epidemik.

**Contoh:**

Wabak COVID-19 yang sedang berlaku di beberapa buah negara dan kejadian Polio di Sabah (2019).

**Pandemik**

(Pan-demik =  
Semua = daerah/orang)


Kejadian wabak besar-besaran ke seantero dunia.

- Merentasi wilayah dan melibatkan populasi yang besar. Kebiasaannya melibatkan jangkitan penyakit baharu (Novel).

Ciri pandemik adalah melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Ia melibatkan sebaran yang pantas dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi.

**Contoh:**

Kejadian *'Black Death'* di antara kurun ke-14 hingga kurun ke-17 yang melibatkan kematian 2/3 penduduk dunia (Penyakit hawari/*Yersinia pestis*).





## To become an efficient leader You must be Self-Motivated

Source: <https://managementstudyguide.com/leadership-motivation.htm>

**M**otivation is a goal-oriented characteristic that helps a person achieve his objectives. It pushes an individual to work hard at achieving his or her goals. An executive must have the right leadership traits to influence motivation. However, there is no specific blueprint for motivation.

As a leader, one should keep an open perspective on human nature. Knowing different needs of subordinates will certainly make the decision-making process easier.

Both an employee as well as manager must possess leadership and motivational traits. An effective leader must have a thorough knowledge of motivational factors for others. He must understand the basic needs of employees, peers and his superiors. Leadership is used as a means of motivating others.

Given below are important guidelines that outline the basic view of motivation:

- ▶ Harmonize and match the subordinate needs with the organizational needs. As a leader, the executive must ensure that the business has the same morals and ethics that he seeks in his employees. He should make sure that his subordinates are encouraged and trained in a manner that meets the needs of the business.
- ▶ Appreciation and rewards are key motivators that influence a person to achieve a desired goal. Rewarding good/exceptional behavior with a small token of appreciation, certificate or letter can be a great motivator. If a certificate is awarded to a person, it should mention the particular act or the quality for which the individual is being rewarded.
- ▶ Being a role model is also a key motivator that influences people in reaching their goals. A leader should set a good example to ensure his people to grow and achieve their goals effectively.
- ▶ Encouraging individuals to get involved in planning and important issues resolution procedure not only motivates them, but also teaches the intricacies of these key decision-

making factors. Moreover, it will help everyone to get better understanding of their role in the organization. The communication will be unambiguous and will certainly attract acknowledgement and appreciation from the leader.

- ▶ Developing moral and team spirit certainly has a key impact on the well-being of an organization. The mental or emotional state of a person constitutes his or her moral fabric. A leader's actions and decisions affect the morale of his subordinates. Hence, he should always be aware of his decisions and activities. Team spirit is the soul of the organization. The leader should always make sure his subordinates enjoy performing their duties as a team and make themselves a part of the organization's plans.
- ▶ A leader should step into the shoes of the subordinates and view things from subordinate's angle. He should empathize with them during difficult times. Empathizing with their personal problems makes them stronger-mentally and emotionally.
- ▶ A meaningful and challenging job accomplished inculcates a sense of achievement among employees. The executive must make their employees feel they are performing an important work that is necessary for the organization's well-being and success. This motivational aspect drives them to fulfill goals.

Remember, **"To become an efficient leader, you must be self-motivated"**. You must know your identity, your needs and you must have a strong urge to do anything to achieve your goals. Once you are self-motivated, only then you can motivate others to achieve their goals and to harmonize their personal goals with the common goals of the organization.

*The article is Written By "Prachi Juneja" and Reviewed By Management Study Guide Content Team. MSG Content Team comprises experienced Faculty Member, Professionals and Subject Matter Experts.*

PENDIDIKAN

PERTANIAN

KESIHATAN

KEBAJIKAN

KESEJAHTERAAN



EKONOMI

KESELAMATAN

PEMBANGUNAN

PERINDUSTRIAN

PENGANGKUTAN  
AWAM



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@lhdnm](https://www.instagram.com/lhdnm)



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



[Lhdn Tube](https://www.youtube.com/LhdnTube)



03-8911 1000



-  [LHDNM](#)
-  [/lhdnTube](#)
-  [/LHDNM](#)
-  [/LHDNMOfficial](#)
-  [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)
-  [03-8911 1000](tel:03-89111000)